Pelita Brunei
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

1HB OGOS, 1979

بسم الله الرحمن الرحيم

## PERKEMBANGAN YANG MENGGEMBIRAKAN

GENAP sa-minggu kita telah berada di-bulan Ramadhan dengan melaksanakan ibadah berpuasa dengan penoh takwa. Kemunchak dari segala harapan kita di-sepanjang melaksanakan ibadah berpuasa itu ia-lah semoga puasa dan amal ibadat kita di-sepanjang bulan Ramadhan ini akan mendapat berkat dari Allah.

Sa-telah sa-minggu kita berada di-dalam-nya, kita dapat mengikuti berbagai kegiatan yang di-galakkan kita melakukan-nya. Bersembahyang tarawikh dan majlis2 bertadrus ada-lah di-antara yang mengambil tempat utama di-sepanjang bulan Puasa ini. Kita umat Islam di-negeri ini amat bershukor atas limpah nekmat dan rahmat dari Allah jua kita dapat melaksanakan amal ibadat yang di-tuntut untok kita melakukan-nya dalam hubongan apa yang di-sebut sa-bagai merapatkan diri kapada Allah dan memohon keredhaan-Nya.

Dalam hubongan peribadatan ini, satu perkembangan yang menggembirakan telah nampak jelas dan perkembangan itu tidak diragui akan bertambah besar. Perkembangan yang menggembirakan itu ia-lah begitu ramai-nya Umat Islam menghadhirkan diri ka-masjid2 untok berjemaah menunaikan sembahyang fardhu Isha' dan seterus-nya bersembahyang tawarikh.

Para jemaah yang menunaikan ibadah ini yang pada kebiasaan pada dulu2-nya, kebanyakan-nya dilakukan oleh orang2 tua atau pertengahan umor, maka pada waktu ini bilangan yang terbanyak itu telah diambil aleh oleh orang2 muda, malah kanak2 yang maseh kechil mula di-jinak2kan dengan masjid. Ini-lah satu perkembangan yang menggembirakan itu yang pasti akan membesar.

Dari perkembangan ini kita berkeyakinan bahawa ia-nya bukan saja berkembang dari segi keramaian, bahkan ia-nya sa-iring dengan kualiti pengetahuan2 keugamaan dan semangat ingin terus-menerus menambah dan memperbaiki pengetahuan2 yang sedia ada itu.

Mengenai dengan sikap mendorong dari ibu-bapa dengan menggalakkan anak2 kechil mereka di-bawa ka-masjid untok membiasakan diri mereka dengan masjid, maka ia-nya ada-lah satu sikap yang begitu besar makna-nya untok kepentingan dan kebahagiaan anak2 itu apabila mereka dewasa nanti. Ini-lah satu chara menunaikan kewajipan selaku ibu-bapa yang bertanggong-jawab sa-penoh-nya terhadap masa depan anak2 mereka itu.

Moga2 sikap yang sa-umpama ini akan lebeh meluas lagi, kerana faedah-nya ada-lah terlalu besar. Antara faedah2-nya itu ia-lah akan menjadikan anak2 itu apabila dewasa nanti memileki keyakinan diri sendiri sa-lain dari ibu bapa dapat meringankan tanggong-jawab dari "memulut-muluti" mereka atau pun sekurang2-nya ibu-bapa tidak akan selalu "bibiran" atau "sanggal mulut" untok menyuroh-nyurohkan mereka. Demikian juga dengan anak2 kechil atau yang belum akhil-baligh yang turut berpuasa dan menampakkan kesukaan terhadap ibadah itu walau pun hanya sa-paroh hari ada-lah satu didekan yang amat bermunafaat.

Mudah2an perkembangan memberikan galakan yang demikian akan terus-menerus ujud dan tidak terhad pada bulan Ramadhan saja.

MUDAH2AN KITA BEROLEH RAHMAT.

### Peraduan Silat dan Kuntau

# JOHAN2 TAHUN LALU PERTAHANKAN KEJOHANAN MASING2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kapten Pengiran Haji Jeluddin bin Pengiran Mustafa wakil dari Daerah Tutong dan Awang Haji Suhaili bin Haji Bakar wakil dari Daerah Brunei-Muara masing2 telah munchol sa-bagai johan sekali lagi dalam pertandingan Silat dan Kuntau perengkat akhir sa-negeri yang telah di-adakan di-Dewan Pusat Belia di-ibu negeri pada malam Rabu yang baru lalu.

Johan silat tahun lalu, Kapten Pengiran Haji Jeluddin telah mendapat markah 350½ mata dan Awang Haji Suhaili yang juga johan kuntau tahun lalu telah mendapat markah 435 mata.

Pertandingan tersebut ada-lah merupakan salah satu achara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali yang ke-33 tahun.

Pertandingan itu telah di-sertai oleh enam orang ahli silat dan kuntau yang mewakili Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Kuala Belait.

Naib-johan dalam bahagian silat telah di-sandang oleh wakil dari Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Yassin bin Haji Ahmad dengan mendapat markah 346 mata sementara tempat ketiga telah di-menangi oleh Awang Zaini bin Haji Lamat wakil dari Daerah Belait dengan mendapat markah 199 mata.

Sementara naib-johan dalam bahagian kuntau pula telah jatoh kapada wakil dari Daerah Tutong, Awang Suhaili bin Ahmad dengan mendapat markah 418½ mata dan tempat ketiga di-menangi oleh Awg Hamzah bin Abdullah wakil dari Daerah Belait dengan mendapat markah 338 mata.

Hadiah2 kapada pemenang2 telah di-sampaikan oleh Penasehat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Awang Haji Ibrahim.

Satu persembahan silat telah di-adakan oleh bekas johan silat tiga tahun berturut-turut ia-itu Awang Haji Damit bin Haji Bolaji dan Awang Haji Abd. Rahman.

Turut sama hadhir menyaksikan peraduan tersebut termasok-lah Pegawai Daerah Brunei-Muara Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Hidup dan Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Puasa bin Tudin serta jemputan2 khas.

Pertandingan itu juga telah di-saksikan oleh kira2 1,000 orang penunton yang membanjiri dewan tersebut.



GAMBAR atas kelihatan Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa menyampaikan Perisai Kejohanan kapada johan kuntau, Awang Haji Suhaili bin Haji Bakar sementara gambar bawah, johan silat, Kapten Pengiran Jeluddin (no 2 dari kanan) dan johan kuntau Awang Haji Suhaili (no 3 dari kanan) dan naib2 johan dalam kedua bahagian.



## Keputusan Peraduan Hadzrah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peraduan Hadzrah sempena sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali yang ke-33 tahun telah di-adakan di-Dewan Pusat Belia di-sini pada hari Ahad 22hb Julai yang baru lalu.

Peraduan yang di-anjorkan oleh Persatuan BAHTERAMU itu telah dirasmikan oleh Pengarah Dewan Bahasa Dan Pustaka, Awang Mahmud bin Haji Bakyr dan juga menyampaikan hadiah2 kapada pemenang2 di-akhir pertandingan tersebut.

Sa-ramai 17 buah pasokan dari seluroh negeri, telah mengambil bahagian dalam peraduan itu.

Lihat muka 4

*". . . . semoga kamu bertakwa."*

## PANDUAN BERPUASA

Sa-sudah beberapa hari awda berpuasa, teruskan-lah sahingga genap sa-bulan. Awda di-harapkan akan terus mendisiplinkan diri bertakwa.

Kapada orang perempuan, kalau kebetulan dalam keadaan haidh atau dalam keadaan nifas, maka dalam keadaan2 itu terhalang-lah dari menunaikan puasa. Maksud-nya, kalau perempuan sedang berpuasa, kemudian di-datangi haidh atau nifas maka batal-lah puasa-nya walau pun sa-jurus sa-belum masok matahari waktu bersungkai. Kalau di-teruskan juga, bukan pahala yang di-dapat malah sa-balek-nya dosa, kerana berpuasa dalam keadaan haidh atau dalam keadaan nifas ada-lah haram hukum-nya.

Tapi ingat! Puasa yang tertinggal itu wajib-lah dikadha; yakni di-kerjakan pada bila2 masa ada peluang dengan sharat sa-belum menjelang bulan Ramadhan tahun hadapan.

Begitu juga, kalau pada bulan Ramadhan tahun lepas awda kebetulan sakit; atau kebetulan bermusafir yang jauh-nya lebeh lima puloh enam batu dengan sharat bukan bermusafir yang maksiat; atau kebetulan mengandong dan menyusukan anak; atau waktu berpuasa tahun lepas itu awda berasa tersangat lapar dan dahaga yang tidak tertanggong — maka dalam ka-empat2 hal itu awda di-haruskan berbuka puasa tetapi di-wajibkan mengkadha-nya.

Dan mengenai mengkadha' puasa ini, kalau awda terhutang puasa tahun lepas dan tidak sempat 'membayarnya' sa-hingga-lah ka-bulan Ramadhan tahun ini, ia-itu tidak sempat kerana chuai atau senghaja melambat2kannya dengan tidak ada keuzuran, maka awda di-kehendaki melakukan tiga perkara:—

Pertama: hendak-lah berpuasa bagi bulan Ramadhan tahun ini.

Kedua: sa-lepas bulan Ramadhan ini hendak-lah mengkadha' puasa yang terhutang tahun lepas itu.

Ketiga: hendak-lah membayar fidyah, ia-itu bagi tiap2 satu hari puasa yang di-tinggalkan dengan kadar sa-chupak beras kapada fakir miskin.

# MORE FAVOURABLE TRADE BALANCE IN THE FIRST QUARTER

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei's exports and imports amounted to $1,240,044,858 and $174,135,781 giving a favourable trade balance of $1,065,909,077 in the first quarter of this year.

These and other figures have been released by the Economic Planning Unit which said that during the same period last year, the State's exports were worth $1,021,953,388 and imports $141,494,405 leaving a favourable trade balance of $880,457,983.

Crude oil remained the country's top export commodity accounting for more than fifty per cent of the entire exports at $780,384,615 followed next by Natural Gas at $377,329,254.

During the corresponding period last year the figures for crude oil and natural gas were $644,080,462 and $340,963,812 respectively.

Another principal export was petroleum products which earned the State for the first three months of this year $60,271,066 compared to $29,803,495 during the same period last year.

The EPU disclosed that the first quarter of the year saw the State importing machinery and transport equipment worth $61,913,854; manufactured goods $47,629,511; and foodstuffs $23,704,703.

During the same period last year, these three commodities which continued to be Brunei's major imports, were $46,472,781; $40,231,577; and $21,531,599 respectively.

The three top importers during the period under review of Brunei products were Japan which expended $882,244,343; the United States $113,080,133; and Singapore $74,598,086.

In the corresponding period last year, Japan imported Brunei products worth $804,640,401; the United States $83,887,895; and Singapore $41,349,177.

Brunei's imports came chiefly from Singapore which exported goods worth $39,403,699; Japan $33,464,781; and the United States $28,441,280.

For the same period last year, imports from these countries were valued at $31,050,596; $30,063,040; and $26,419,810 respectively.



The Silat and Kuntau champions, Captain Pengiran Jeludin (right) and Awang Haji Suhaili with their prizes.

# Champions for second year running

BANDAR SERI BEGAWAN. — Captain Pengiran Jeludin bin Pengiran Mustafa from the Tutong District and Awang Haji Suhaili bin Haji Abu Bakar again emerged as Silat and Kuntau champions respectively for the second running in the State Malay Martial Arts Championships held at the Youth Centre here last week.

The championships held annually as part of His Highness the Sultan's birthday celebrations saw six Silat and Kuntau exponents matching each other's skills in the hope of capturing the titles.

The second and third prizes in the Silat section went to Awang Haji Yassin bin Haji Ahmad of the Brunei Muara District and Awang Zaini bin Haji Lamat from the Belait District.

In the Kuntau section, Awang Suhaili bin Ahmad from the Tutong District was second and Awang Hamzah bin Abdullah from the Belait District third.

The Yang Teramat Berhormat General Adviser to the Sultan, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa presented the prizes.

## A Princess is born

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin and the Suri Seri Begawan Raja wished to thank all those who had sent congratulatory messages on the occasion of the birth of a princess to Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna and her husband Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz on July 18 at the Istana Darul Hana here.

This was relayed in a statement issued last week by the Grand Chamberlain, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana, Pengiran Haji Mokhtar Puteh bin Pengiran Haji Rajid.

The birth of the princess was the first for the royal couple who have already three princes.

The statement said Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan and Suri Seri Begawan Raja also conveyed their thanks to all those who had given presents to Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Nasibah and Yang Amat Mulia Pengiran Anak Kamarulzaman on the occasion of their recent marriage.

# RSA, CG and GCE examinations

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Education Department is making arrangements for the holding of the Royal Society of Arts Single Subject Examinations in November this year.

The examinations will be held at the SOAS College here, the Anthony Abell College, Seria and the Perdana Wazir English School, Kuala Belait.

The subjects are Book-keeping, Shorthand, Typewriting, Commerce, Arithmetic, English Language and English as a Foreign Language in the three Stages namely Elementary, Intermediate and Advanced.

Application forms are obtainable from the Office of the Board of Examinations, Brunei or from Supervisors, Adult Education Centres at the Anthony Abell College, Seria and Perdana Wazir English School, Kuala Belait.

Examination fees should be made in cash or in bank cheques payable to the Board of Examinations, Brunei.

The examination entry forms must be completed and together with the appropriate fees should reach the Office of the Board of Examinations, Bandar Seri Begawan by August, 29 at the latest.

Any applications submitted later than the above date will not be entertained.

The Education Department is also making arrangements for the holding of the City and Guilds Examination in December this year in certain subjects, and the General Certificate of Education Examination in various subjects in January next year.

For the City and Guilds Examination, School Candidates may obtain application forms from the Principals of the Sultan Saiful Rizal School of Building, Jalan Muara; Pusat Latehan Teknikal, Jalan Muara; Jefri Bolkiah School of Engineering, Kuala Belait and from Head of Training Department, Vocational Trades School, BSP Company Limited, Seria.

Private candidates are also invited to take this examination.

Application forms are obtainable from the Office of the Board of Examinations, here until August 21.

Examination fees should be made in cash or in bank cheques payable to the Board of Examinations.

The forms must be completed and together with the fees and "Approval to Enter Certificate", if any, issued by the City and Guilds of London Institute should reach the Office of the Board of Examinations by August 21 at the latest. Late entries will not be entertained.

In the GCE examination prospective candidates for Ordinary Level subjects must have passed the Brunei Junior Certificate of Education or its equivalence; while for Advanced Level subjects the candidates must have passed at least three subjects at GCE 'O' Level at one sitting or any other equivalent examinations.

These qualifications must be obtained in at least two years prior to the examinations.

Alternatively they must be able to produce evidence of their recent studies or be recommended by the Principals of their schools or the Supervisors of Adult Education at SOAS College, Bandar Seri Begawan; Perdana Wazir English School, Kuala Belait and Anthony Abell College, Seria.

Application forms are obtainable from the Office of the Board of Examinations here.

All appropriate examination fees should be made in cash or in bank cheques payable to the Board of Examinations, Brunei and not to the University of London.

The completed examination entry forms together with the appropriate fees and letters of recommendation or certificates should reach the Office of the Board of Examinations, Bandar Seri Begawan on the day stated on the entry forms but not later than August 21, and any application forms submitted later than August 21 will not be entertained.

## RBA increases fares

BANDAR SERI BEGAWAN — Royal Brunei Airlines is increasing its fares by seven per cent with effect from today.

An RBA spokesman said the increase followed the rising cost of fuel and similar hikes throughout the world.

The spokesman added that travellers who have booked their tickets prior to the announcement will however be permitted to fly at the old rate until August 18.

## Agricultural shows

BANDAR SERI BEGAWAN — The Tutong and Temburong districts will be holding the annual agricultural shows in September and October.

The Tutong District Agricultural Shows will take place on September 29 at the Keriam Malay School, while the Temburong District will hold the show in Bangar on October 14.

On exhibition will be cereals, vegetables, fruits, crops plantations, poultry cookery and handicraft.

Meanwhile "farmers days" were held last week at the Sungai Liang Agricultural Station and Kampong Bang Nukat in Lamunin.

Nearly two hundred farmers visited the two places where they heard briefings on modern farming techniques.

Also last week a group of students from the Perdana Wazir English School in Kuala Belait visited the Sungai Liang Agricultural Station to see the various aspects of farming being carried out at the station.

## Brunei wins golds, silver and bronze

BANDAR SERI BEGAWAN — Two Brunei athletes returned home last week with three gold, one silver and one bronze medals they won at the Masters Track and Field Championships in Singapore.

The athletes are Francis Leong who won two of the gold medals in the javelin and discus-throwing events, and Idris Asmat who won the other gold in the long jump.

Idris also won for Brunei the silver and bronze medals in the four hundred meters race and the eight hundred meters race respectively.

Brunei was also being represented at the World Masters Track and Field Open Championships in Germany by veteran Aloysius Sibidol.



Visitors to the Sungai Liang Agricultural Station being briefed by the Station Manager, Awang Ramli bin Haji Seri.

# $1,000 for Orphans Fund

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Chief Welfare Officer at the Welfare, Youth and Sports Department, Datin Hajjah Zaharah binte Haji Idris received two separate donations totalling one thousand dollars in aid of the department's Orphans Fund.

The donations came from the Brunei International School and the Brunei Writers Association AS TERAWANI which contributed five hundred dollars each.

Meanwhile the Brunei National Welfare Body is holding a three-week sale at the Youth Centre here starting today.

The sale is to raise money for its fund and is between noon and nine in the evening on each day.

The goods on sale will include textiles, carpets, jewellery, stationery, foods and drinks.



GAMBAR atas kelihatan peserta2 perlumbaan di-perkenalkan kapada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemancha Sahibol Rae Wal-Mashuarah Pengiran Muda Haji Mohammad Alam sa-jurus sa-telah Yang Teramat Mulia itu merasmikan perlumbaan tersebut pada 21hb Julai yang lalu dan lain2 gambar di-ruangan ini menunjokkan suasana dalam perlumbaan itu.

# Keputusan perlumbaan kereta Brunei Grand Prix 1979

BANDAR SERI BEGAWAN. — Del Schloemer dari Singapura berjaya sekali lagi memenangi perlumbaan utama bagi kereta2 Super Saloon Unlimited — Brunei Grand Prix 1979.

Del Schloemer yang memandu kereta jenis Ford memenangi perlumbaan itu dengan mudah dan menguasai perlumbaan itu dari awal hingga akhir.

Isteri-nya, Cherie Schloemer yang memandu kereta yang membawa kejayaan kapada suami-nya pada tahun lalu telah memenangi tempat kedua.

Pemenang ketiga juga di-menangi oleh peserta dari Singapura, Nick Van Nugteren.

Stephen Tay dan Nelson Yong kedua2-nya peserta dari Brunei masing2 memenangi tempat ke-empat dan kelima.

Dalam perlumbaan bagi kereta Formula II, Peter Marshall dari Hong Kong berjaya memenangi perlumbaan 50 pusingan itu. Del Schloemer memenangi tempat kedua dan Romeo David dan Poclolo Remirez kedua2-nya dari Filipina memenangi tempat ketiga dan ke-empat Tempat kelima di-menangi oleh Cherie Schloemer.

Lain2 keputusan dalam perlumbaan Brunei Grand Prix itu ada-lah saperti berikut :

Perlumbaan bagi kereta2 Saloon Limited Brunei Modified Kelas I: Pertama — Wong Khai Wah; kedua—Chua Kee Soon dan ketiga—Samad bin Dato Marsal.

Kelas II: Pertama—Mohd Raus bin Ahmad dan kedua Ernest Lee.

Kelas III: Pertama — Pungut bin Haji Ibrahim; kedua — Mohd Raus bin Ahmad dan ketiga — Cheong Huat Seng.

Kelas IV: Pertama—Pungut bin Haji Ibrahim; kedua — Shamsuddin bin Idris dan ketiga — Wong Wang Kwang.

Perlumbaan terbuka bagi wanita Production Car di-menangi oleh Cherie Schloemer dan tempat kedua di-menangi oleh Saffariah bte Haji Metussin.

Foreman Oh dari Kuala Lumpur memenangi achara lumba motorsikal 250cc.

Lumba Motosikal Improved Unlimited : Pertama Fabian Looi, kedua — Gerry Looi kedua2-nya dari Singapura dan ketiga — Foong Weng Cheong dari Kuala Lumpur.

Ketiga2 orang pelumba itu juga telah berjaya memenangi lumba motosikal ka-atas 250cc unlimited.

Achara bagi lumba motor car series production :

Kelas I — Pertama Karim Salim, kedua—Abdul Samad Dato Marsal dan ketiga—Stephen Tay.

Kelas II: Pertama—Abd Samad Dato Marsal, kedua—Yaakob Haji Ahmad dan ketiga—Hamdan bin Abdullah.

Kelas III: Pertama — Philip Yong, kedua—Cherie Schloemer dan ketiga—Robert Yong.

Kelas IV : Pertama—Joseph Chin dan kedua—Saidin Haji Ibrahim.

Bagi achara Saloon Limited Open Race : Pungut Haji Ibrahim memenangi tempat pertama, kedua—Shamsuddin Idris dan ketiga—Mohd Raus bin Hj Ahmad.

Dalam achara lumba motosikal Grand Prix : Tempat pertama di-menangi oleh Gerry Looi, kedua Fabian Looi, ketiga Foreman Oh, ke-empat Foong Weng Cheong dan kelima Tan Keng Lock.









# Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang didapati di-jual dengan harga yang lebeh sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 25hb Julai 1979.

**BANDAR SERI BEGAWAN :**

1. PUSU KERING — $4.00 sa-kati boleh dibeli dari kedai berikut:—

   Chop Hiap Kee,
   No. 1, Kampong Sultan Lama.

2. SAGO HALUS — 50 sen sa-kati boleh dibeli dari kedai berikut:—

   Chop Chin Seng,
   107, Jalan Chevalier.

3. MINYAK MAKAN (Chap Bunga 24 kati — Singapura) — $32.00 sa-tin boleh dibeli dari kedai2 berikut:—

   a) Hong Guan Koon Kee,
   No. 10, Jalan McArthur.
   b) Teck Hin,
   No. 56, Jalan Sultan.
   c) Liong Yu Company,
   No. 58, Jalan Sultan.
   d) Chop Hock Huat,
   No. 62, Jalan McArthur.

**KUALA BELAIT :**

1. PUSU KERING — $4.00 sa-kati boleh dibeli dari kedai berikut : —

   Chiong Kee,
   No. 1-A, Jalan Pretty.

2. SAGO HALUS — 60 sen sa-kati boleh dibeli dari kedai2 berikut : —

   a) Yick Yuen,
   No. 3, Jalan Pretty.
   b) Ng Ming Hong,
   No. 101, Jalan Mckerron.
   c) Ng Ming Hong,
   No. E, Bangunan Dewan Perdagangan China.

3. MINYAK MAKAN (Chap Bunga 24 kati — Singapura) — $34.00 sa-tin boleh dibeli dari kedai berikut : —

   Eng Soon Seng,
   No. 58, Jalan Pretty.

**SERIA :**

1. PUSU KERING — $4.40 sa-kati boleh dibeli dari kedai2 berikut : —

   a) Chop Kun Mee,
   No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
   b) Chop Yick Hoe,
   No. 7, Jalan Sultan Omar Ali.
   c) Chop Koh Seng Hang,
   No. 17, Jalan Sultan Omar Ali.

2. SAGO HALUS — 60 sen sa-kati boleh dibeli dari kedai2 berikut : —

   a) Chop Kun Mee,
   No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
   b) Foo Hap Shing,
   No. 20, Jalan Sultan Omar Ali.
   c) A. Muhammed,
   No. 66, Jalan Bunga Kenanga.

3. MINYAK MAKAN (Chap Bunga 24 kati — Singapura) — $34.00 sa-tin boleh dibeli dari kedai berikut : —

   Chin Siong Hin,
   No. 3, Jalan Sultan Omar Ali.

# Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 1hb hingga 8hb Ogos, 1979

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA | |
|---|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Penglima Berudin, Limau Manis | 1.8.1979 | Rabu | 8.30– 9.30 | pagi |
| Sekolah Melayu Pengkalan Batu | 1.8.1979 | Rabu | 9.45–10.45 | ,, |
| Sekolah Melayu Masin | 1.8.1979 | Rabu | 11.00–12.00 | T/Hari |
| Sekolah Melayu Birau | 4.8.1979 | Sabtu | 1.30– 2.30 | petang |
| Sekolah Melayu Kiudang | 4.8.1979 | Sabtu | 2.45– 3.45 | ,, |
| Sekolah Melayu Lamunin | 4.8.1979 | Sabtu | 4.00– 5.00 | ,, |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Rendah) | 6.8.1979 | Isnin | 2.00– 3.00 | ,, |
| Berhadapan Kedai, Kampong Perpindahan | 6.8.1979 | Isnin | 3.30– 4.30 | ,, |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok | 7.8.1979 | Selasa | 8.30– 9.30 | pagi |
| Sekolah Melayu Datu Mahawangsa, Lambak | 7.8.1979 | Selasa | 10.30–11.30 | ,, |
| Sekolah Melayu Dato Gandi | 8.8.1979 | Rabu | 8.30– 9.00 | ,, |
| Sekolah Melayu Serasa | 8.8.1979 | Rabu | 10.00–10.30 | ,, |
| Sekolah Melayu Mentiri | 8.8.1979 | Rabu | 10.45–11.15 | ,, |
| Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar | 8.8.1979 | Rabu | 11.30–12.00 | T/Hari |

# Keputusan Peraduan Hadzrah

Dari muka 2

Johan dalam pertandingan itu telah di-sandang oleh Pasokan dari Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin Kuala Belait, tempat kedua telah di-menangi oleh Pasokan dari Persatuan Kemuka, Kampong Burong Pinggai Ayer sementara tempat ketiga telah dimenangi oleh Pasokan dari Seri Negara, Kampong Pekan Lama.

Sementara hadiah terbaik dalam keselurohan pertandingan telah di-menangi oleh Pasokan Kampong Pengkalan Batu.

Pertandingan tersebut telah di-serikan dengan persembahan tarian dari anak2 Kampong Pengiran Tajuddin Hitam dan murid2 dari Sekolah Melayu Dato Goddam.

# BERUGAMA BUKAN UNTOK SEBUT-SEBUTAN SAJA

TUJUAN kita berugama dengan Ugama Islam, ugama yang di-akui oleh Allah, bukan-lah sa-mata2 untok sebutan di-bibir sahaja, tetapi tujuan tunggal kita ia-lah harapan kapada akhirat dan juga kebahagiaan hidup di-dunia.

Di-dalam Islam terkandong panduan2 hidup, yang jika kita amalkan dia akan menempatkan kita di-dalam kebahagiaan, dan sa-balek-nya jika kita lupakan akan melimparkan kita ka-jurang kechelakaan. Firman Allah s.w.t. dalam surah Taha ayat 124-126 yang bererti: *Barangsiapa menentang pesanan-Ku, maka ia akan hidup sengsara, dan akan Kami bangkitkan mereka pada hari kiamat, dengan mata buta. Kemudian mereka bertanya: Wahai Tuhan ku, mengapa-kah Engkau bangkitkan aku dengan mata buta? Sedang di-dunia aku chelek? Allah menjawab: Begitu-lah (yang sa-mesti-nya), kerana keterangan2 Kami telah datang kapada engkau, tetapi tidak engkau pedulikan, dan demikian pula-lah pada hari ini, engkau tidak kami pedulikan".*

Demikian-lah wahai kaum muslimin! Allah telah memberikan peringatan-Nya kapada kita supaya kita memerhatikan dan mengikut segala perintah2 ugama-Nya. Kita akan diberikan kebahagiaan hidup di-dunia dan di-akhirat, jika kita patoh dan sa-balek-nya akan dibangkitkan dengan mata buta di-akhirat apabila kita ingkar dan membantah. Firman-Nya yang bererti: *"Demikian-lah Kami membalas sa-siapa jua yang melampaui batas dan tidak perchaya dengan ayat2 Tuhan-nya, sa-sunggoh-nya azab akhirat itu lebeh dahshat dan lebeh abadi".*

Zaman ini ada-lah zaman orang berlumba. Berlumba mahu lekas senang, lekas mewah dan lekas kaya. Di-mana2 orang memburu kebahagiaan dan kesenangan itu. Di-tempat2 bekerja, di-rumah, di-jalan2, di-panggong2 wayang, di-resturan2, di-kedai2 makan, di-kelab2, di-laut dan di-udara. Pendek-nya tidak ada satu tempat yang terkechuali tempat orang menchari bahagia dan kesenangan itu.

Menchari kebahagiaan dan kesenangan itu tidak-lah di-larang. Allah Ta'ala menyuroh hamba-Nya mengingat kapada-Nya banyak2 dan sembahyang, tetapi di-hujong perintah-Nya sa-lepas habis sembahyang itu, di-perintah-Nya pula terus bertibaran di-muka bumi menchari keperluan dan kelebehan hidup. Ini semua ada-lah dalil bahawa Allah membuka pintu luas2 membenarkan manusia berjuang untok hidup dan menchapai apa2 yang menjadi hiasan dan keperluan di-dunia.

Dalam pada itu kita di-pandu supaya mengingat Allah banyak2, dalam semua ketika, dalam senang dan dalam susah kita. Kerana hanya dengan mengingat Allah orang tidak akan rosak dan tidak menyeleweng. Penyelewingan itu di-hasut dan di-galakkan oleh shaitan, dan shaitan hanya takut dan akan kalah dengan orang2 beriman yang senantiasa mengingati Allah.

Jadi berpandukan keterangan2 ini, wahai kaum muslimin! Walau apa pun keadaan dan suasana-nya, kita-ada-lah perlu memegang ugama, menjadikan undang2 dan segala peraturan-Nya sa-bagai pilehan kita yang tunggal. Kita wajib taat dan wajib mengajak orang lain taat, sahingga tidak terlepas ketua dari raayat, bapa dari anak, suami dari isteri, sahabat dari kawan, pemerintah dari orang ramai dan lain2 lagi. Semua itu, sa-chara timbal balek ada-lah sama2 mempunyai kewajipan ingat mengingati untok menjalankan "Amar ma'aruf dan nahi munkar", kerana kesanggupan melakukan ini, dan kesediaan menerima ajaran dan nasehat itu ia-lah puncha keselamatan dan ketegohan umat, sementara kelalaian atau tidak ada-nya keberanian menegakkan amar ma'aruf dan nahi munkar ada-lah satu sebab utama datang-nya benchana. Demikian juga jika semua orang menyumbongkan diri dan menolak nasehat, ini juga satu permulaan mala petaka.




Dengan tidak jemu2, kita mengingatkan kapada umat Islam, supaya berpegang tegoh-lah kapada tali Allah, luruskan-lah niat, patohi-lah perintah Allah, demi keselamatan hidup kita di-dunia dan di-akhirat. Mari-lah kita tegakkan Brunei di-atas chahaya Islam, melalui chara hidup dan keperibadian Islam, melalui peradapan yang kokoh yang berteraskan ajaran2 Allah. Dengan Islam itu kita lahir dan di-besarkan, dan dengan Islam pula kita maju dan berkembang, beradu hidup dan berlumba. Insha Allah kita tidak akan kalah, dan kehormatan kita pun pasti bertambah-tambah, sebab orang yang hidup memelihara ugama-nya (Ugama Islam) ia-lah orang yang di-tolong lagi di-berkati.

## Bingkisan minggu ini

# PUASA POKOK UGAMA

SEKARANG ini, kita telah pun berada di-bulan Ramadhan, di-mana di-wajibkan kaatas diri kita untok menunaikan sa-bulan puasa. Kita wajib menahan diri dari makan dan minum dan apa jua yang membatalkan-nya, mulai dari-pada terbit fajar sadiq sahingga-lah terbenam matahari. Ia telah di-shari'atkan ataupun di-wajibkan pada bulan Sa'aban tahun kedua hijrah.

Hukom wajib berpuasa ini, telah di-terangkan oleh Allah s.w.t. di-dalam Firman-Nya, Surah Al-Baqarah ayat 183 yang bermaksud kira2; *'Hai orang2 yang beriman! Telah di-wajibkan kapada mu mengerjakan puasa, sa-bagaimana telah di-wajibkan kapada orang2 yang terdahulu dari kamu, supaya kamu terpelihara dari kejahatan'.*

Dengan ini jelas-lah kapada kita tentang kewajipan berpuasa itu, tanpa di-ragukan lagi. Ia ada-lah salah satu dari pokok Ugama Islam yang mana tujuan-nya bukan-lah sa-kadar untok merasakan lapar dan dahaga sahaja tetapi ada-lah untok pendidekan dzahir dan bathin, saperti; penyakit takabur, mementingkan diri sendiri, bersifat kasar dan selalu marah2 agar dengan itu manusia akan dapat memelihara diri dari kejahatan.

Dari segi menahan lapar dan dahaga ia ada-lah sa-mata-mata untok merasakan kapada kita betapa kepayahan yang di-alami oleh orang2 yang kurang bernasib baik. Dari sini-lah akan lahir suatu perasaan yang ingin simpati dan belas kasehan kapada orang lain, "apa rasa diri, begitu-lah rasa orang". Kalau terasa oleh kita kepayahan, tentu-nya hal itu telah pernah di-rasai oleh orang2 yang kurang bernasib baik.

Sementara dalam hal untok menjadikan-nya sa-bagai suatu pendidekan bathin, ia-itu saperti; ubat penyakit takabur, bersikap kasar, dan selalu marah2, maka dengan mengerjakan ibadat puasa ini, sikap2 saperti ini lama kelamaan akan beransor-ansor hilang. Ini ada-lah di-sebabkan ibadat puasa ini di-kerjakan oleh sa-genap lapisan masharakat yang berugama Islam yang chukop dengan sharat2-nya, tanpa mengira pangkat dan keturunan. Jadi dari sini lahir-lah suatu perasaan persamaan tanpa membedza-bedzakan antara satu dengan yang lain. Sikap selalu marah2 dan selalu kasar2 pula akan hilang kerana dalam hal keadaan berpuasa kita di-larang dari bersikap begitu. Ini di-takuti akan menchachatkan dan sa-terus-nya membatalkan-nya nanti.

Sa-lain dari itu serba sedikit kita akan dapat menjimatkan perbelanjaan harian. Kalau hari2 sa-belum-nya kita berbelanja dengan bebas-nya, tapi apabila tiba bulan Ramadhan maka akan dapat-lah kita berjimat sedikit sa-banyak. Tapi jangan-lah sampai kita salah ertikan akan hakikat ini; ia-itu kita berbelanja lebeh pula dari biasa, yang mana chuma untok memuaskan nafsu kita yang terbendong sa-masa mengerjakan puasa. Pada hal kita telah mengetahui yang kita tentu tidak terdaya untok menghabiskan 'Pasungkaian' kita itu. Ini-lah yang di-katakan sa-bagai pembaziran, pada hal telah terang dan jelas di-terangkan oleh Allah s.w.t. dalam Surah Al-Isra' ayat 27 yang bermaksud kira2: *'Sa-sunggoh-nya orang2 yang pemboros itu saudara shaitan, dan sa-sunggoh-nya shaitan itu sangat engkar pada Tuhan-nya'.*

Dan lagi di-dalam Firman-Nya dalam Surah Al-A'Araf potongan ayat 31 yang bermaksud kira2: *'Dan makan minum-lah dan jangan melampaui batas; sa-sunggoh-nya Tuhan tidak menyukai orang2 yang melampaui batas'.*

Dengan larangan dan peringatan dari Allah itu, sa-patut-nya kita mengambil' iktibar yang baik bersempena dengan bulan yang mulia ini. Ia-itu dengan berhati-hati pada berbelanja dan selalu mengamalkan sikap berjimat chermat agar dengan itu nanti, kita akan mendapat ganjaran yang sa-timpal dengan apa yang kita lakukan itu.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 1hb Ogos, 1979 hingga ka-hari Selasa 7hb Ogos, 1979 ada-lah saperti di-bawah ini: —

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1hb Ogos | 12.30 | 3.48 | 6.40 | 7.51 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |
| 2hb Ogos | 12.30 | 3.48 | 6.40 | 7.51 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |
| 3hb Ogos | 12.30 | 3.48 | 6.40 | 7.51 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |
| 4hb Ogos | 12.30 | 3.48 | 6.40 | 7.51 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |
| 5hb Ogos | 12.30 | 3.48 | 6.40 | 7.51 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |
| 6hb Ogos | 12.30 | 3.48 | 6.39 | 7.50 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |
| 7hb Ogos | 12.30 | 3.48 | 6.39 | 7.50 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.



# Perayaan Hari Keputeraan Kebawah DYMM di-Daerah Belait

PERAYAAN2 sempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei di-Daerah Belait sa-lama tiga hari telah berakhir pada malam Rabu lalu dengan satu perarakan kereta, dan basikal berhias dan tanglong berjalan kaki yang di-adakan di-Pekan Belait.

Sa-banyak 40 buah pasokan tanglong, lapan buah kereta dan tujoh buah basikal berhias telah mengambil bahagian da-lam perarakan tersebut saperti kelihatan dalam gambar2 di-halaman ini.

Perayaan di-daerah itu telah di-mulakan dengan Upachara Perbarisan Kehormatan yang di-adakan di-padang KBRC di-mana Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan telah berangkat menerima ta-bek dan memereksa perbarisan tersebut. Gambar kanan me-nunjokkan pasokan pertubohan awam yang beruniform yang mengambil bahagian dalam per-barisan tersebut.

Sa-telah selesai upachara itu, satu Istiadat Mengadap dan Menyembahkan uchapan keshukoran telah di-adakan di-Dewan Kemasharakatan Kuala Belait di-mana sembah keshukoran dari raayat dan pendudok daerah itu di-sembahkan oleh Pegawai Dae-rah, Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd Jaafar (gambar bawah kanan).















## ...sari RTB ...gu ini

LINDSAY dan Sidney Greenbush (gambar bawah) pasangan kembar yang berusia lapan tahun bersama2 menghidupkan peranan Carrie Ingalls dan munchol buat kali pertama-nya dalam kesah sa-orang budak perempuan yang menchipta sa-orang teman yang berjaya meyakinkan kita untok meleraikan kesunyian-nya.

Mereka ini akan dapat awda lihat dalam siri Little House On The Prairie — "The Godsister" (Bahagian Pertama) yang akan di-tayangkan pada hari Isnin jam 5.27 petang.



...atas) ...a itu.



SUSAN Sullivan (gambar atas), sa-orang pelakun talivishen yang mempunyai banyak peminat, memainkan peranan-nya sa-bagai Julie Farr, sa-orang doktor wanita berparas chantek dan dinamik. Perhatian-nya terhadap pesakit2-nya telah menambahkan masa-nya bersama mereka dan dia bekerja melebehi dari waktu2 bekerja yang biasa. Dia terlibat dalam kehidupan2 yang penoh dengan chabaran.

Dalam ranchangan yang pertama berjudol "The Weekend", kita akan menyaksikan tentang hubongan pasangan yang sa-chara terbuka di-ancham oleh kelahiran anak mereka yang akan datang, dan kesah sa-pasang suami isteri yang maseh muda yang saling tudoh menudoh di-antara satu sama lain sa-bagai orang yang menyebabkan penyakit yang mereka hidapi bersama.

Siri Julie Farr M.D. ini akan mula di-tayangkan pada hari Sabtu 4hb Ogos, jam 7.40 malam.



## Peluang untok berlakun di-radio

BAHAGIAN Melayu Radio Brunei mempelawa Awang/Dayang yang mempunyai kebolehan dan minat dalam seni Drama Radio anjoran RTB dengan ini memberikan kesempatan kapada Awang/Dayang untok memasokki-nya.

Untok mendapatkan peluang ini, sila-lah isikan borang yang telah di-sediakan di-bawah ini.

Tarikh penutop bagi menghantar borang tersebut pada 28hb Ogos, 1979.

Sharat2-nya : —

1) Peluang ini terbuka kapada Warga Negara Brunei.
2) Bertujuan untok memileh pelakun2 yang berbakat untok menjayakan ranchangan2 yang di-anjorkan oleh Perkhidmatan Radio.
3) Dalam ujian ini tidak di-kenakan apa2 bayaran.
4) Peserta2 yang terpileh akan mendapat peluang yang seluas2-nya mengambil bahagian dalam ranchangan2 Radio.
5) Radio Talivishen Brunei tidak bertanggong-jawab dalam urusan kenderaan sa-masa ujian di-jalankan.
6) Peserta2 yang terpileh, mesti-lah bersedia pada bila2 masa di-kehendaki oleh RTB.

- - - - - - - - - - - - - - - - - - - - - - - - - - - - - - -

Penerbit Drama Radio,
Bahagian Melayu
Radio Talivishen Brunei.

............................ 1979.

File : .............. Bil : ..............1979.

### BORANG UJIAN LAKUNAN DRAMA RADIO

NAMA : ..........................................

ALAMAT: ........................................

I.C. No. : ......................... No. Talipon : .......................

Saya atas nama tersebut, ingin memasokki dalam ujian lakunan DRAMA RADIO saperti yang di-kehendaki oleh pehak tuan bagi menchuba kebolehan saya dalam segi lakunan.

Saya pernah/belum pernah memasokki dalam bidang DRAMA RADIO/PENTAS anjoran RTB/MAKTAB2/SEKOLAH2 dan Persatuan2 Belia di-Negeri ini.

Saya akan patoh mengikuti segala peratoran2 yang akan di-arahkan oleh Pehak Tuan, sekira-nya saya terpileh dan tidak terpileh dalam menjalani ujian nanti, saya tidak akan mengambil apa2 tindakan.

Sekian, terima kaseh.

Ada-lah saya yang benar,

..........................................



**...ah Brunei** minggu ini akan mengemukakan sa-orang lagi siswazah ia-itu Awang ...ar atas).

...h mendapat ijazah B.A. (Hons) dalam bidang Develop- ...ich University, East Anglia dan kini bertugas sa-bagai ...ny Abell, Seria.

... kesah kejayaan-nya dalam bidang pelajaran, ikuti-lah ...changan Siswazah Brunei, Awang Halim Hashim yang ... Jumaat 3hb Ogos jam 7.30 malam dan siaran ulangan-nya ...0 tengah hari.



LEIF Erickson berlakun sa-bagai John Cannon, sa-orang ayah dan ketua bagi pengembala2 di-padang ternakan yang terletak di-gurun Arizona. Linda Cristal sa-laku Victoria, isteri kapada John. Kedua2 mereka ia-lah pelakun utama dalam siri High Chaparral yang akan di-tayangkan pada hari Khamis jam 7.40 malam.

# Susunan ranchangan MINGGUAN RADIO

## RABU

**PAGI:** Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Majallah sain dan perusahaan (SU); 8.30 — Chitra irama; 9.00 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Cherpen dan salokan-nya; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran selingan; 10.30 — Ruangan muda mudi; 11.00 — Hiboran; 11.30 — Autograph pendengar. **T/HARI:** 12.00 — Ku sampaikan salam — Azan dzohor; 12.45— Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tahu kah awda ?; 1.30 — Sekitar masharakat (SU). **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama di-senja; 6.00 — Tafsir Al-Koran (SU) — Azan fardhu magrib dan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Permintaan parajurit — Azan fardhu isha; 7.30 — Sekolah ka-sekolah (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mengenang zaman silam; 9.00 — Terima-lah sampul surat/Dari bengkel penulis; 9.30 — Usaha jaya; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## KHAMIS

**PAGI:** Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.15 — Rampaian London (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Varia Peristewa (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Hiboran selingan; 10.30—Teman mekar (SU); 11.00—Usaha Jaya (SU); 11.30—Dari Kampong ka-kampong. **T/HARI:** 12.00 — Selingkar madah — Azan fardhu dzohor; 12.15 — Hiboran rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Kisah dan tauladan; 1.30 — Tunas harapan. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Siri mukkadam; 6.00 — Mari berzikir — Azan fardhu magrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Hidayat — Azan fardhu isha; 7.30 — Permainan gambus; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mari berpantun (SU); 9.00 — Sandiwara radio; 9.30 — Tahukah awda? (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## JUMAAT

**PAGI:** Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 7.45 — Siri mukkadam (SU); 8.00 — Pertanian dan perikanan; 8.30 — Pelajaran dewasa di-udara; 9.00 — Apa pilehan awda; 9.30 — Tafsir Al-Koran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Apa pendapat awda; 10.30 — Kursus Al-Koran; 11.00 — Peristewa Dalam Sa-minggu; 11.30 — Tunas Pendidek. **T/HARI:** 12.00 — Permainan gambus; 12.30 — Menunaikan sembahyang fardhu Jumaat siaran langsong dari Masjid Omar Ali Saifuddin; 1.15 — Irama padang pasir; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Selingan irama. **PETANG:** 2.00 — Untok Belia; 2.30 — Suara dari bintang2; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Soalan di-udara; 3.30 — Mutika 79 — Azan untok fardhu asar; 4.00 — Suara dari pusat tingkatan enam; 4.30 — Di-bumi bertuah; 5.00 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat; 6.00 — Irama lagu asli — Azan untok fardhu magrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Cherpen dan Salokan-nya — Azan fardhu isha; 7.30 — Brunei Graduates; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Kisah dan tauladan (SU); 9.00 — Autograph pendengar; 9.30 — Chitrawara; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SABTU

**PAGI:** Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Apa pendapat awda (SU); 8.15 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Chitrawara (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Selingan irama; 10.30 — Panorama radio (SU); 11.00 — Majallah shell (SU); 11.30 — Suara dari bintang2 (SU). **T/HARI:** 12.00 — Ku sampaikan salam — Azan fardhu dzohor; 12.30 — Hiboran rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Brunei Graduates (SU); 1.30—Ruangan Bertutoran. **PETANG:** 2.00—Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Buloh perindu — Azan magrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Chitra irama (SU) — Azan isha; 7.30 — Tunas harapan (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Selingkar madah (SU); 9.00 — Bertuturan; 9.30 — Suara pusat tingkatan enam (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## AHAD

**PAGI:** Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Mastika radio; 8.30 — Dunia wanita; 9.00 — Keluarga si-awang; 9.30 — Taman mekar; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30— Hello Siapa di-sana; 11.00 — Bengkel penulis/Terima sampul surat; 11.30 — Sekolah ka-sekolah. **T/HARI:** 12.00— Sandiwara radio; 12.15 — Azan fardhu dzohor; 12.30 — Rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Pesta ria/Persembahan pancharagam; 1.45 — Ruangan ketani. **PETANG:** 2.15 — Suara Pulis Diraja; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Mari Berpantun—Azan asar; 3.46—Mengenang Zaman Silam; 4.00—Arena Sokan; 4.30—Majallah shell; 5.00—Harian radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Komintar radio; 6.00—Buloh perindu (SU)—Azan magrib; di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Suara parajurit — Azan isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Sekitar masharakat; 9.00 — Keluarga jaya; 9.30 — Mari berzikir (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan illahi 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## ISNIN

**PAGI:** Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Peristewa dunia minggu ini; 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Sain dan perusahaan; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang dengan ku; 10.30 — Suara parajurit (SU); 11.30 — Dari jiran tetangga. **T/HARI:** 12.00 — Komintar radio (SU) — Azan dzohor; 12.30 — Hiboran rampaian; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Keluarga jaya (SU); 1.30 — Dendang asli. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama di-senja — Azan magrib di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Arena sokan (SU) — Azan isha; 7.30 — Keluarga si-awang (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Tamu minggu ini; 9.00 — Pertanian dan perikanan (SU); 9.30 — Seminggu dalam kenangan; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SELASA

**PAGI:** Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Dunia wanita (SU); 8.30 — Varia peristewa; 8.45 — Dendang antarabangsa; 9.45 — Rampaian London; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Senandong ria; 10.30 — Sa-minggu dalam kenangan (SU); 11.00 — Mastika radio (SU); 11.30 — Pop Science music. **T/HARI:** 12.00 — Ku sampaikan salam — Azan fardhu dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tamu minggu ini; 1.30 — Pelajaran dewasa di-udara (SU). **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Persembahan anika instrumental — Azan fardhu magrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Ruangan ketani (SU) — Azan untok fardhu isha; 7.30 — Salam dari ku; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Lambaran Dalam Sa-minggu; 9.00 — Chator (SU); 9.15 — Di-bumi bertuah (SU); 9.45 — Senandong Asli; 10.00— Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## APA PILEHAN AWDA



DAYANG Norjanah binte Haji Mohiddin, LB 537, Kampong Sumbiling Lama, Bandar Seri Begawan akan di-beri peluang untok memileh lagu2 dalam ranchangan 'Apa Pilehan Awda' minggu ini.

Dalam ranchangan sa-tengah jam itu, Dayang Norjanah akan memileh tujoh buah lagu untok hiboran awda.

Ranchangan itu akan ka-udara saperti biasa pada hari Jumaat 3hb Ogos, 1979 jam 9.00 pagi.

# RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGGERIS

## WEDNESDAY

**AM:** 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Lunch Music. **NOON:** 12.00 — Melody Time. **PM:** 12.30 — News; 12.45—International Money Programme; 1.00—Ready to Roll introduced by Sheikh Abas; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement—What's Wrong With Me Doctor? (repeat); 8.15 — Midweek Greetings by Jaafar Yaakub; 8.45 — Dateline; 9.15 — News; 9.30 Free Time by Jaafar Yaakub; 10.00 — Close Down.

## THURSDAY

**AM:** 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon . . . we invite you to hop abroad our non-stop musical express; 11.45 — World of Education; **NOON:** 12.00 — My Music. **PM:** 12.30— News; 12.45 — Brunei Graduate produced by Viviyanti Ali; 1.15 — In Search of the Curious by Bridgette Robinson produced by Veronica Shim; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Theatre Forty-Five "The Birds" by Daphne du Maurier; 8.45 — Welcome to My World by Lynette Lithgow; 9.00 — Blowing in the Wind produced by Nafisah Haji Ali; 9.15 — News; 9.30 — 33.33 by Bob Kay; 10.00 — Close Down.

## FRIDAY

**AM:** 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Rock Line; 11.15 — From School to School produced by Tajul Ahmad; 11.45 — Light Music From Netherland. **NOON:** 12.00 — Radioscope produced by Viviyanti Ali. **PM:** 12.30 — News; 12.45 — Higher and Faster, 1.00 — Dr. Finlay's Casebook; 1.30 — Close Down. 8.00—Opening Announcement — From School to School (repeat); 8.30—Sheikh Abas calling on you; 9.15 — News; 9.30 — Behind the News (repeat); 10.00 — Close Down.

## SATURDAY

**AM:** 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Just A Minute; 11.30 — Internatioual Call. **NOON:** 12.00 — From Rag to Rock — (Programme 7). **PM:** 12.30 — News; 12.45 — BBC World Report; 1.00—Just for Variety produced by Sheikh Abbas; 1.30—Close Down. 8.00—Opening Announcement—Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 9.00 — Book Club — "The Painted Veil episode 9/12; 9.15 — News; 9.30 — Top of the Pops; 10.00—Close Down.

## SUNDAY

**AM:** 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half-Hour produced by Veronica Shim; 11.30 — Women's World produced by Charan Chand. **NOON:** 12.00 — Top Of The Pops (repeat). **PM:** 12.30 — News; 12.45 — What's Wrong With Me Doctor?; 1.00—"Two Away For No" by Nafisah Haji Ali; 1.30 — Close Down. 8.00— Opening Announcement — Brunei Graduate (repeat); 8.30 — Interlude; 8.45 — The Young Sound by Tajul Ahmad; 9.15 — News; 9.30 — Sunday Night Special with Jaafar Yaakob; 10.00 — Close Down.

## MONDAY

**AM:** 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Music-Go-Round — an uninterrupted programme of music and songs for your listening pleasure. **NOON:** 12.00 — Dad's Army. **PM:** 12.30 — News; 12.45 — Science Potpourri produced by Charan Chand; 1.15 — Interlude; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement—Perspective; 8.15 — Monday's Night Mail presented by Veronica Shim; 9.15 — News; 9.30 — Before we say goodnight by Ak Hisamuddin Pg Yaakub; 10.00 — Close Down.

## TUESDAY

**AM:** 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Housewives' Special; 11.45 — BBC Sports Magazine. **NOON:** 12.00 — Talking About Music. **PM:** 12.30 — News; 12.45 — Blowing in The Wind (repeat); 1.00 — Hello Tomorrow; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Stereo Pop Special featuring "Joan Armatrading"; 8.30 — Radioscope; 9.00 — Your World; 9.15 — News; 9.30 — "Two Away For No" (repeat); 10.00 — Close Down.

# IKHLAS DALAM MELAKUKAN IBADAT PUASA SA-MATA-MATA KERANA ALLAH S.W.T.

ALHAMDULILLAH, shukor kehadhrat Allah Subhanahu Wata'ala, selawat dan salam kapada Junjongan kita Nabi Mohammad s.a.w., dan kapada sekalian sahabat dan pengikut2 Baginda yang setia lagi jujor hingga ka-akhir zaman.

Dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, maka pada malam ini kita berniat untok menunaikan ibadat fardhu puasa bulan Ramadhan, kerana pada esok hari kita mula menunaikan puasa bulan Ramadhan itu.

Dalam mengalu-ngalukan kedatangan bulan Ramadhan pada tahun ini, Tahun Hijrah 1399, maka kita umat Islam di-Negeri Brunei ini mustahak-lah mengingati, bahawa ibadat puasa bulan Ramadhan ada-lah salah satu daripada Rukun Islam yang lima, puasa bulan Ramadhan wajib di-kerjakan oleh kita. Maka dalam menunaikan kewajipan itu, amat mustahak-lah bagi kita supaya berusaha sedikit untok mengulang-kaji kembali, dan mengingati akan perkara2 yang berhubong dengan ibadat puasa itu, saperti sharat2 berpuasa, rukun2 puasa, perkara2 yang membatalkan puasa, perkara2 sunat ketika berpuasa, dan perkara2 yang lain yang berhubong dengan-nya, dengan chara yang sa-demikian moga2 ibadat puasa kita itu akan lebeh sempurna dan di-terima oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

PERUTUSAN YB Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Hj Serudin, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei sempena mengalu-ngalukan kedatangan bulan puasa — Ramadhan 1399 Hijrah/1979 Masehi yang telah di-siarkan pada hari Rabu malam Khamis, 25hb Julai, 1979 yang lalu menerusi Radio dan ini kita umat Islam akan mendapat panduan, ingatan dan faedah dari-nya sa-panjang kita menunaikan ibadat puasa tahun ini. — Pengarang.

## KEIKHLASAN

Salah satu perkara yang tidak kurang mustahak-nya, dan sangat perlu di-ambil perhatian, ia-lah keikhlasan sa-masa melakukan ibadat puasa itu, kerana Allah Subhanahu Wata'ala ada berfirman dalam Surah Al-Baiyinah ayat 5, yang bermaksud: *"Dan mereka tidak di-perintahkan oleh Allah, kechuali untok berbuat ibadat kapada Allah, dengan niat yang tulus ikhlas sa-mata2 kerana Allah".*

Keikhlasan dalam melakukan ibadat amat-lah mustahak, kerana ibadat yang di-kerjakan dengan niat yang bukan kerana Allah sa-mata2 boleh menchachatkan amal ibadat itu. Ada pun keikhlasan yang di-tuntut oleh ugama itu, termasok-lah dalam perkara2 yang berikut: —

i. Ikhlas pada perkataan

ii. Ikhlas pada niat; ia-itu niat pada membuat sa-suatu perkara yang berkebajikan itu ada-lah sa-mata2 kerana Allah, maka jika niat itu bercham-por dengan sa-suatu yang lain daripada kerana Allah, maka keikhlasan pada niat itu ada-lah chachat atau hilang sifat keikhlasan pada niat itu;

iii. Ikhlas pada chita2, umpama-nya berniat untok mendapatkan harta supaya dapat bersedekah, jika chita2 itu berubah, maka ia-nya tidak di-katakan ikhlas;

iv. Ikhlas dalam pekerjaan yakni apa yang dibuat oleh anggota yang dzahir bersesuaian dengan apa yang ada dalam hati-nya;

v. Ikhlas dalam amalan yang bathin saperti redha dan tawakal.

## NIAT

Jadi-nya perkara niat yang ikhlas dalam satu2 amalan ibadat amat-lah tinggi nilai-nya, ia sa-olah2 menjadi tunggak dan menjadi tiang kapada satu2 pekerjaan amal ibadat itu, sa-bagaimana sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: *"Bahawasa-nya segala amal ibadat hendak-lah dengan niat, dan bahawasa-nya bagi tiap2 orang itu ia-lah apa yang di-niatkan-nya, maka barang siapa yang berhijrah kapada Allah dan kapada Rasul-Nya, dan barang siapa berhijrah itu bagi kepentingan dunia yang akan di-perolehi-nya atau bagi perempuan yang akan di-nikahi-nya, maka hijrah-nya itu ada-lah kapada apa yang di-niatkan-nya itu".*



YB Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awg Hj Mohd Zain.

Demikian-lah niat, dan demikian-lah kedudokan ikhlas dalam menunaikan amal ibadat kerana Allah, yang mana niat yang ikhlas itu hendak-lah di-sertai dengan perbuatan yang berkebajikan menurut sharat2 dan rukun2-nya sa-bagaimana yang telah di-atorkan oleh ugama kita.

Semoga Allah akan melimpahkan taufik dan hidayah-nya kapada kita dalam kita mengerjakan amal ibadat puasa pada bulan Ramadhan tahun ini, dan mudah2an Allah menerima amal ibadat kita, yang kita tunaikan dengan niat yang ikhlas kerana Allah sa-mata2 jua. Amin.

Wabillahi Taufik Walhadayah. Wassalamu 'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



ROMBONGAN dari pegawai2 Jabatan Hal Ehwal Ugama dengan di-bantu oleh pegawai2 Jabatan Ukor bersiap-siap ketika melakukan penglihatan anak bulan Ramadhan bagi menentukan permulaan puasa tahun ini. Mereka ini telah melakukan penglihatan anak bulan tersebut bertempat di-Bukit Tabor Bintang, Berakas pada petang Rabu, 25hb Julai.

# KEPUTUSAN GAMBUS/UMPONG

BANDAR SERI BEGAWAN. — Keputusan pertandingan memetting gambus dan meniup umpong, anjoran Persembahan Malam Antarabangsa: Johan memetting Gambus di-menangi oleh Awang Azahari bin Gemok sementara meniup umpong di-menangi oleh Awang Omar bin Haji Manaf.

Tiket kapal terbang pergi/balek untok johan kedua2 pertandingan di-hadiahkan oleh YAM Pengiran Anak Hajjah Siti Rafeah binte Pengiran Bendahara Pengiran Muda Haji Hashim; yang juga telah menyampaikan hadiah2 di-upachara penyampaian hadiah di-akhir pertandingan, di-Padang Besar sini.

Sa-bagai perintis bagi mengembangkan seni musik tradisional itu, pehak penganjor mengharapkan supaya pertandingan sa-rupa itu akan dapat di-perbesarkan lagi hingga keseluroh negeri (bukan sa-takat pertandingan daerah) saja, demikian antara lain telah dinyatakan oleh Pengerusi pertandingan tersebut dalam kata2 aluan-nya di-majlis pertandingan itu.

# KELAB MELAYU JUARA SEPAK TAKRAW

KUALA BELAIT.—Kelab Melayu Shell Seria telah menjadi johan Daerah Belait dan telah berjaya merebut piala yang di-hadiahkan oleh Pengetua Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin, Awang Mohd Shah bin Haji Ahmad setelah berjaya mengalahkan Sekolah Inggeris Perdana Wazir dalam Perlawanan Akhir Sepak Takraw yang telah berlangsong di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin di-sini minggu lalu.

Kelab tersebut ada-lah juga merupakan johan dalam bahagian perlawanan yang terbuka kapada Persatuan2 Belia/Kebajikan, Kelab2, Jabatan2 Kerajaan dan Sharikat2 Swasta/Perdagangan. Dalam bahagian ini mereka telah berjaya memenangi piala yang di-hadiahkan oleh Pengurus Sharikat Pengangkutan Melayu Bersatu Kuala Belait Awang Ibrahim bin Momin.

Perlawanan yang julong2 kali-nya di-anjorkan oleh Majlis Belia2 Daerah Belait dan di-kelolakan oleh Persatuan Belia Belait (Pembela) itu ada-lah sebagai salah satu achara bagi meraikan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang ke-33 tahun bagi daerah tersebut.

Memenangi perlawanan tersebut dalam bahagian Sekolah2 Menengah, Maktab2 dan Sekolah2 Misi daerah Belait bagi merebut piala yang di-hadiahkan oleh Yang Berhormat Malai Haji Mashere bin Malai Haji Damit ia-lah Pasokan Sekolah Inggeris Perdana Wazir Kuala Belait.

Sementara itu Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin telah berjaya memenangi piala yang di-sumbangkan oleh Pengurus Sharikat Berlima setelah berjaya memenangi perlawanan tersebut dalam perlawanan terbuka kapada Kawasan Kampong2, Maktab2, Sekolah2 Menengah/Rendah dan Sekolah2 Misi yan berumor 16 tahun kebawah.

Di-akhir perlawanan hadiah2 serta piala2 telah di-sampaikan oleh penderma2 dalam bahagian masing2.

**GAMBAR bawah menunjokkan ketika perlawanan sedang di-jalankan.**





**BERGAMBAR** bersama perisai dan piala2 kemenangan ia-lah Pasokan Mukim Saba yang telah memenangi Sokan Ria Antara Mukim-Mukim Daerah Brunei-Muara sempena menyambut Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Diperuan yang telah berlangsong di-Padang Besar Bandar Seri Begawan minggu lalu.

# Brunei-Muara Johan Tarek Kalat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Daerah Brunei Muara yang di-wakili oleh Pasokan Jabatan Kerja Raya di-sini telah menjadi johan di-kedua2 bahagian dalam perlawanan tarek kalat peringkat negeri yang telah di-adakan di-Padang Besar di-sini minggu lalu.




Perlawanan yang di-anjorkan oleh Persatuan Patuh itu ada-lah sempena menyambut Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang ke-33 tahun.

Sebanyak lapan pasokan yang mewakili empat daerah di-negeri ini telah mengambil bahagian. Perlawanan dalam bahagan 'A' ada-lah bagi mereka yang berat-nya tidak sampai 150 paun sementara bahagian 'B' pula ia-lah bagi mereka yang berat-nya melebehi 150 paun.

Tempat kedua dalam bahagian 'A' ia-lah Pasokan dari Daerah Belait dan tempat ketiga Daerah Tutong. Sementara mendudok tempat kedua dalam bahagian 'B' pula ia-lah Daerah Tutong dan tempat ketiga pasokan dàri Daerah Belait.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Penasehat Jawatankuasa Perlawanan Tarek Kalat Peringkat Daerah Brunei-Muara Yang Amat Mulia Pengiran Seri Indera Pg Haji Ismail bin Pengiran Haji Mohammad.

# ANATOLY KARPOV — JUARA DUNIA

**OLEH: STEWART WAVELL**

**Siri ke-37**

UNTOK menjadi juara chator dunia, awda memerlukan pemikiran analitis yang bergeliga, keazaman yang kukoh, dan kesihatan yang baik. Untok *kekal* di-hormati sabagai juara chator, awda mesti-lah malar bermain dengan pemain2 handalan dunia dalam perlawanan demi perlawanan dan menang! Anatoly Karpov ada-lah salah sa-orang dalam kumpulan kechil juara dunia yang mengambil sa-tiap kesempatan untok bermain sa-lepas memenangi kejuaraan dan menunjokkan kemahiran-nya dengan satu kadar kejayaan yang hampir2 tidak dapat dikalahkan. Saya katakan *hampir2* kerana hanya pada bulan Mei tahun ini ia berkongsi tempat pertama di-Montreal dengan Mikhail Tal yang fenomental itu.

Jika Tal sa-orang jinias penoh seni papan chator, Karpov ada-lah tukang-nya yang paling mahir. Untok memainkan permainan Tal ada-lah mengikuti alor meteor: awda mengalami kekaguman dan rasa dahshat. Untok mempelajari permainan2 Korpov adalah untok menyedari tentang tujuan2 yang di-pahat dengan halus, kehalusan pemahaman, dan kemahiran yang tiada chachat-nya. Sa-chara perbandingan, permainan2-nya ada-lah agak bagitu menjemukan; tetapi susunan-nya ada-lah sempurna. Dia tidak pernah melakukan sa-suatu yang mungkin menimbulkan risiko burok. Dia akan menyusun satu serangan daripada satu kedudokan yang langsong tidak terdapat kelemahan. Bermain dengan-nya ada-lah saperti melontarkan bola2 ping-pong ka-tembok batu!

Anatoly Karpov telah di-lahirkan di-Leningrad pada bulan Mei 1951. Tatkala berumor empat tahun ia belajar bermain chator. Tatkala berumor tujoh tahun taraf permainan-nya ada-lah sama dengan pemain baik perengkat kelab. Apabila berumor sabelas tahun, ia menjadi Candidates Master. Dalam tahun 1965, apabila berumor tiga belas tahun, Karpov ada-lah pemain yang termuda dalam All-Union School boys, dan ketika berumor empat belas tahun buat pertama kali permainan-nya di-terbitkan dalam jernal chator rasmi Rusia dan ia menjadi Master yang termuda di-Soviet Union. Permainan antarabangsa-nya yang pertama berlaku dalam tahun yang sama dalam keadaan yang ganjil. Persekutuan Chator Soviet menerima jemputan untok menghantar dua orang pemain bagi satu perlawanan junior antarabangsa. Karpov ada-lah salah sa-orang yang terpileh. Apabila ia dan rakan-nya tiba di-Czechoslovakia terbukti satu kekhilafan telah berlaku — perlawanan itu bukan untok junior tetapi untok orang dewasa! Sudah terlanjor kedua-dua budak itu pun di-terima masok. Keputusan-nya ada-lah memeranjatkan: Karpov mendapat tempat pertama tanpa mengalami satu kekalahan pun.

Karpov buat pertama kali mendapat perhatian dunia di-Groningen di-mana ia memenangi Perlawanan hebat-nya yang pertama. Pada masa itu ia berumor lima belas tahun. Tanda2 awal tentang kehebatan-nya bermain chator telah terbukti benar dalam tahun 1969 apabila ia memenangi Kejuaraan Junior Dunia dan ia menjadi Master antarabangsa. Reaksi umum ada-lah kaget. Dia ada-lah sa-orang belia yang berbadan agak kurus bermuka puchat, berdarah dingin, dan sederhana pada had tertentu. Persediaan pembukaan-nya tidak-lah begitu baik. Kemahiran-nya terletak pada pengertian 'positional'-nya yang paling baik — satu gerak-hati khas yang khusus terdapat pada pemain2 chator handalan. Dengan pemusatan fikiran dan pengkajian yang nekad, ia dapat menguasai permainan hujong, dan dengan mantap memperolehi kejituan teknik sa-chara menyeluroh. Sa-orang belia yang berbadan kurus dan tidak begitu kuat, senaman jimnastik sa-tiap pagi ada-lah di-



arahkan untok-nya. Dia bermain badminton, tenis-meja, dan belayar perahu. Di-tanya tentang kegemaran-nya sa-lain daripada bermain chator, ia pernah menjawab: "Saya gemarkan muzik pop, Lermontov, mengumpul setem". Dia penuntut dalam ekonomi, menamatkan persekolahan dengan mendapat pingat emas, dan kemudian memasoki Universiti Leningrad. Di-tanya siapa-kah pemain chator yang paling mempengarohi-nya, ia menjawab: "Capablanca dan Botvinnick". Dia pernah memasoki sekolah chator yang di-kelolakan oleh Botvinnick, belajar kapada-nya sa-lama sa-minggu di-Moscow, empat kali dalam sa-tahun. Pembukaan yang di-gemari-nya ada-lah Ruy Lopez, dan Grandmaster yang di-sukai-nya — Spassky.

Di-Kuibishev pada tahun berikut-nya Karpov menjadi juara Soviet Union. Semua-nya sa-olah-olah nampak begitu mudah. Apa yang menjadi chiri khusus stail-nya ada-lah kelancharan-nya. Malah permainan2 daripada Grandmaster2 yang terbaik hari ini biasa-nya menampakkan unsor usaha, malahan usaha bersusah payah dalam susunan permainan mereka. Sa-seorang sudah tentu dapat memerhatikan satu unsor usaha gigeh, unsor tenaga yang tidak mengenal lelah dalam permainan2 Fischer, membayangkan azam-nya yang maha tinggi untok menang pada sa-tiap masa. Permainan Karpov ada-lah lebeh relex dan mengalir dengan tenang. Dia mengelakkan gangguan masa. Kechepatan-nya menilai kedudokan dan melakukan gerak di-papan-chator ada-lah mengkagumkan dan ada-lah perkara biasa untok melihat-nya mempunyai kelebehan masa satu jam daripada lawan-nya yang malang. Karpov nampak-nya ada-lah salah sa-orang dalam golongan kechil dunia chator yang pemahaman permainan chator datang sa-chara samula jadi saperti pemahaman bahasa ibu-nya. Ketangkasan yang di-gunakan-nya untok melaksanakan pemahaman-nya dan mengelakkan kedudokan2 yang kurang bernilai menjadikan ia termasok ka-dalam golongan pemain handalan — Capablanca dan Petrosian: tetapi ia nampak-nya di-restui dengan lebeh kemampuan untok berusaha daripada Capablanca dan sa-olah-olah pemain yang lebeh dinamik daripada Petrosian. Sa-kira-nya ia mempunyai sebarang kelemahan, kelemahan itu ada-lah apabila ia memainkan buah-chator Hitam: ia berpuas hati untok mendapatkan seri sahaja. Dalam satu ,Perlawanan hal ini dapat mengurangkan jumlah keselurohan mata yang di-perolehi-nya, menempatkan-nya ka-kedudokan kedua. Sajauh ini perkara itu belum berlaku: ia telah memenangi terus-menerus sa-tiap Perlawan antarabangsa sejak ia menjadi juara dunia dalam tahun 1974 — satu prestasi yang paling mena'ajubkan yang tidak dapat di-tandingi oleh mana-mana juara dunia sabelum itu. Berikut ada-lah permainan kedua yang mashhor dalam Candidates Final, 1974 di-mana Karpov menumpaskan Korchnoi. Dia menggunakan serangan Velimirovic melawan Sicilian — satu serangan yang berguna untok di-ingati! Karpov bermain Puteh.

| | | |
|---|---|---|
| 1. | B-e4 | B-c5 |
| 2. | K-f3 | B-d6 |
| 3. | B-d4 | BxB |
| 4. | KxB | K-f6 |
| 5. | K-c3 | B-g6 |
| 6. | G-e3 | G-g7 |
| 7. | B-f3 | K-c6 |
| 8. | M-d2 | 0-0 |
| 9. | G-c4 | G-d7 |
| 10. | B-h4 | T-c8 |

Ranchangan utama Hitam sejak 10......, M-a5 hilang populariti-nya berikutan dengan beberapa kekalahan terok.

| | | |
|---|---|---|
| 11. | G-b3 | K-e5 |
| 12. | 0-0-0 | K-c4 |
| 13. | GxK | TxG |
| 14. | B-h5 | KxB |
| 15. | B-g4 | K-f6 |
| 16. | K(d4)-e2 ! | |

Satu gerak penting kerana Kuda di-petak c3 selalu-nya di-makan oleh Tihir Hitam untok merobohkan susunan Bidak Puteh di-hadapan Raja. Sekarang Kuda di-petak c3 sudah di-kawal.

| | | |
|---|---|---|
| 16. | . . . | M-a5 |
| 17. | G-h6 | GxG |
| 18. | MxG | T(f8)-c8 |
| 19. | T-d3 ! | |

Satu pertahanan besi waja.

| | | |
|---|---|---|
| 19. | . . . | T(c4)-c5 |
| 20. | B-g5! | TxB(g5) |
| 21. | T-d5!! | TxT |
| 22. | KxT | |

Kuda Hitam yang mempertahankan mesti-lah di-serang, samada di-singkirkan atau di-simpangkan ka-jalan lain.

| | | |
|---|---|---|
| 22. | . . . | T-e8 |

Jika sekarang Kuda makan-memakan, Raja Hitam dapat lari ka-petak e7.

| | | |
|---|---|---|
| 23. | K(e2)-f4! | G-c6 |
| 24. | B-e5! | GxK |
| 25. | BxK | BxB |
| 26. | MxB(h7) asah | R-f8 |

**27. M-h8 asah Hitam menyerah kalah.**

## Johan bolasepak

BANDAR SERI BEGAWAN — Pasokan Bahagian Pejabat Am telah menjadi johan setelah mengalahkan Pasokan Pegawai2 Luar dan Bengkel dalam perlawanan akhir bolasepak antara bahagian2 Jabatan Bandaran yang telah berlangsong di-Padang Besar di-sini minggu lalu.

Perlawanan yang di-anjorkan buat pertama kali-nya oleh Jabatan tersebut ada-lah sempena menyambut Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan yang ke-33 tahun. Sa-banyak tujoh pasokan telah mengambil bahagian.

Hadiah kejohanan yang berupa piala yang di-sumbangkan oleh Pegawai Pentadbir Jabatan tersebut telah di-sampaikan oleh Pengerusi Lembaga Bandaran, Awang Chuchu bin Panglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah.



PASOKAN IBB 'A' telah berjaya sekali lagi menjadi juara dalam perlawanan bolasepak 7 orang sa-pasokan sa-telah mengalahkan pasokan Sungai Besar FC dengan 3 gol tidak berbalas dalam perlawanan akhir yang telah di-adakan di-padang SMJA pada 20hb Julai yang lalu (gambar atas).

Perlawanan kali ketujoh yang di-anjorkan oleh Persatuan PERANGKAB itu di-adakan bersempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ke-33 tahun.

Pasokan IBB 'A' yang juga memenangi perlawanan itu pada tahun lalu telah menerima piala pusingan yang di-hadiahkan oleh York Camera Colour Laboratory.

Lebeh dari 100 buah pasokan telah mengambil bahagian dalam perlawanan tersebut yang di-mulakan dalam bulan Jun lalu.

## PJK untok Allahyarham PC Kopli

SALAH sa-orang penerima pingat kehormatan bersempena Ulang Tahun Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, tahun 1979 ia-lah Allahyarham PC 786 Kopli bin Taha dari Kampong Sengkarai, Tutong bagi mengenang jasa-nya kerana menyelamatkan sa-orang awam dari lemas dan telah sendiri terkorban bila dia choba hendak menyelamatkan jiwa sa-orang lagi. Kejadian ini berlaku di-Sungai Tutong pada 2hb Disember, 1976.

Allahyarham telah di-lateh di-Pusat Latehan Polis bagi menyelamat jiwa dan memperoleh Intermediate Certificate dari Royal Life Saving Society dalam tahun 1975.

## 14 orang jururawat di-naikkan pangkat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 14 orang Jururawat yang berkhidmat di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan telah di-naikkan pangkat sabagai Jururawat Kanan dalam Bahagian III mulai 1hb Julai 1979.

Kenaikan ini telah di-umomkan oleh Jabatan Perjawatan baru2 ini.

Mereka yang di-naikkan pangkat itu ia-lah Dy Anna Chong Yung Kiaw, Dy Teresa Thien Yun Len @ Mrs Phan Kah Ngen, Dy Susan Martin, Dy Chee Guek Kui, Dy Zubaidah w/o Mohamed Ali nee Selvamoney Joseph, Dy Betty Ting Song Ing, Dy Long Kwong Tiu @ Rose Ling, Dy Hajjah Bibi binte Mohd Yusof, Dy Rose Tiong nee Lim, Dy Chu Yong Fong @ Pansy Hiew, Dy Tan Yin Len, Dy Chin Nyuk @ Chin Nyuk Lian, Dy Leong Sai Keow nee, Tng Sai Keow dan Dy Chew Kit Ching @ Noriah Monika binte Abdullah.

Sementara itu, Jabatan Perjawatan juga mengumomkan pertukaran bagi dua orang Pegawai Pentadbir dan sa-orang Chief Machine Operator.

Awang Hamzah bin Haji Mohd Jaafar, Pegawai Pentadbir di-Jabatan Perpindahan bertukar ka-Pejabat Daerah Brunei-Muara dalam jawatan yang sama mulai dari 12hb April 1979; Awang Saji bin Mudin, Pegawai Pentadbir di-Pejabat Daerah Brunei-Muara bertukar ka-Pejabat Penasehat Umom Kebawah DYMM dalam jawatan yang sama mulai 14hb Mach, 1979 dan Awang Jubir bin Johari di-tukar ka-Jabatan Pertanian mulai 1hb April, 1979.



BANGUNAN Radio Talivishen Brunei (gambar atas) telah berjaya memenangi tempat pertama dalam bahagian Chuchol Bangunan yang telah di-adakan sempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dalam bulan lalu.

Tempat kedua dalam bahagian itu jatoh kapada Dewan Bahasa dan Pustaka dan pemenang ketiga ia-lah Jabatan Kemajuan Kerjasama.

Peraduan Pintu Gerbang Kawasan telah di-menangi oleh Jabatan Kerja Raya, kedua Bengkel Radio Talivishen, Jalan Dato Ahmad dan Jabatan Letrik Bandar Seri Begawan tempat ketiga.

Gerbang yang di-persembahkan oleh Persatuan Orang2 Tiong Hwa memenangi tempat pertama dalam Bahagian Gerbang Jalanraya; tempat kedua Pegawai2, Kakitangan, Penghulu2 dan Ketua2 Kampong Daerah Brunei-Muara dan pemenang ketiga ia-lah Jabatan Perubatan dan Kesihatan.

# Pepereksaan RSA, City and Guilds dan G.C.E.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran sedang membuat persediaan untok mengadakan pepereksaan Royal Society of Arts Single Subject dalam bulan Nobember tahun ini.

Pepereksaan tersebut akan di-adakan di-Maktab SOAS di-sini; Maktab Antony Abell, Seria; dan Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait.

Mata pelajaran yang akan di-adakan dalam pepereksaan tersebut ia-lah Book-keeping, Shorthand, Typewriting, Commerce, Arithmetic, English Language dan English as a Foreign Language dalam tiga perengkat — permulaan, menengah dan tertinggi.

Borang2 permohonan boleh di-dapati dari Pejabat Lembaga Pepereksaan, Brunei atau dari Penyelia2 Pelajaran Dewasa di-Maktab Antony Abell, Seria; Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait.

Bayaran pepereksaan hendak-lah di-bayar dengan wang tunai atau dengan chek yang di-bayar kapada Lembaga Pepereksaan, Brunei.

Borang2 permohonan beserta dengan wang bayaran hendak-lah di-kembalikan kapada Pejabat Lembaga Pepereksaan, Brunei tidak lewat dari 29hb Ogos, 1979. Sebarang permohonan yang lewat dari tarikh itu tidak akan di-terima.

Jabatan Pelajaran juga sedang membuat persediaan bagi mengadakan pepereksaan City and Guilds dalam beberapa mata-pelajaran dalam bulan Disember tahun ini dan Pepereksaan Sijil Am Pelajaran dalam beberapa mata-pelajaran yang akan di-adakan dalam bulan Januari, 1980.

Chalun2 sekolah yang ingin memasoki pepereksaan City and Guilds boleh-lah mendapatkan borang pepereksaan dari Pengetua2 Sekolah Bangunan Saiful Rizal, Jalan Muara; Pusat Latehan Teknikal; Jalan Muara; Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah, Kuala Belait dan dari Ketua Jabatan Latehan, Sekolah Pertukangan BSP, Seria.

Chalun2 persendirian ada-lah juga di-pelawa untok memasoki pepereksaan di-sini mulai dari hari ini hingga 21hb Ogos, 1979.

Bagi Pepereksaan Sijil Am Pelajaran, chalun2 yang hendak memasoki pepereksaan dalam Perengkat Biasa hendak-lah lulus Pepereksaan Brunei Junior Certificate of Education atau yang sa-banding dengan-nya dan bagi mereka yang memasoki dalam Perengkat A, hendak-lah lulus sekurang2-nya tiga mata-pelajaran G.C.E. 'O' Level dalam sekali pereksa atau yang sebanding dengan-nya.

Kelulusan2 ini mesti-lah di-perolehi sekurang2-nya dalam tempoh dua tahun sa-belum pepereksaan tersebut. Pemohon2 mesti-lah menunjokan bokti mengenai pelajaran mereka atau mendapat sokongan dari Pengetua2 sekolah mereka atau Penyelia2 Pelajaran Dewasa di-Maktab SOAS, Sekolah Inggeris Perdana Wazir dan Maktab Anthony Abell.

Borang2 penyertaan boleh di-dapati dari Pejabat Lembaga Pepereksaan di-sini.

Bayaran2 bagi kedua2 pepereksaan ini hendak-lah di-bayar dengan tunai atau dengan chek yang di-bayar kapada Lembaga Pepereksaan, Brunei.

Borang2 yang lengkap berserta dengan wang bayaran hendak-lah sampai kapada Pejabat Lembaga Pepereksaan, Brunei tidak lewat dari 21hb Ogos. Borang2 permohonan yang di-terima lewat tarikh itu tidak akan di-terima.

## Kuliah Pendidekan Sastera

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 217 orang peserta yang terdiri dari penuntut2 aliran Inggeris dan Melayu akan menyertai Kuliah Pendidekan Sastera kali ketiga anjoran Persatuan Asterawani Brunei tahun ini.

Kuliah tersebut akan di-mulakan dengan pembukaan rasmi oleh Awg Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama pada jam 9.00 pagi hari Jumaat, 3hb. Ogos ini.

Majlis pembukaan rasmi tersebut akan di-jalankan di-Bilek Kuliah, Dewan Bahasa dan Pustaka di-sini di-mana kuliah tersebut akan juga di-langsongkan berikut-nya.

Sa-ramai 12 orang pensharah akan terlibat dalam mengupas dan membinchangkan bagi 10 buah buku teks sastera yang di-gunakan dalam pepereksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge dan Sijil Pelajaran Singapura.

Peserta2 yang menyertai akan berkesempatan mengikuti kuliah berkenaan pada 5hb., 10hb., 12hb., 17hb., dan 19hb. Ogos mulai jam 8.30 pagi hingga 12.45 tengahari.

Penganjor kuliah dengan ini mengingatkan semua peserta2 yang berdaftar supaya akan dapat hadhir di-majlis pembukaan rasmi tersebut dan hari2 kuliah yang telah di-tetapkan.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Sa-bagai Pembantu Teknik Kanan (Parit dan Taliayer)

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Pembantu Teknik Kanan (Parit dan Taliayer) khas untok Ranchangan Baru Tanaman Padi Perdagangan Kerajaan Brunei di-Jabatan Kerja Raya Brunei. Keutamaan akan di-beri kapada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Chalon2 mesti-lah mempunyai tidak kurang dari 5 tahun pengalaman atau latehan serta pengalaman yang berkenaan dalam kerja2 di-bidang parit dan taliayer. Keutamaan akan di-beri kapada chalon2 yang mempunyai pengalaman dalam sekim2 parit dan taliayer pertanian terutama-nya yang berkaitan dengan pengeluaran padi. Chalon2 hendak-lah boleh membuat chatetan2, kerja2 mengukor dan mendatar serta menyelia kakitangan2 dalam semua kerja2 ukoran dan pembenaan yang berkaitan dengan kemajuan kawasan2 parit dan taliayer yang baru.

**Umor :**

Sa-baik2-nya di-bawah umor 40 tahun.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji C.2 EB.3 — $1071-1109-1148-1186-1224-1275-1326 - 1377 - 1428 / E B / 1497-1530-1581-1632-1683. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari ra'ayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 21hb September, 1979.

(E/890/71 — Bil : 131/1979)

## JABATAN KERJA RAYA KUALA BELAIT PEMBERITAHUAN TAWARAN

### SERIAL No. 15/1979

1. TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada Kontrektor2 Kelas AX dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari, hari Selasa 14hb Ogos, 1979 bagi:—
SANDFILLING TO PROPOSED ROAD AT MILE 3, KUALA BELAIT/SERIA ROAD.
2. Pelan2 dan Penentuan (Specification) dan segala butir2 lain boleh di-perolehi di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait sa-masa Pejabat di-buka dengan wang chengkeram sabanyak $100.00 (Ringgit: satu ratus sahaja) yang mana akan di-bayar balek kapada kontrektor apabila semua dokumen2 dan lukisan2 tawaran di-kembalikan kapada Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait dalam masa tiga (3) minggu sa-lepas tarikh tawaran di-tutop, jika gagal berbuat demikian, wang chengkeram untok perkara yang tersebut di-atas akan hilang tanpa memberi apa2 Notice sa-lanjutnya.
3. Tawaran2 mesti-lah di-buat di-atas borang2 tawaran yang terchetak yang boleh di-dapati dengan membayar chengkeram tawaran sa-banyak $1,000.00 (Ringgit: Satu ribu sahaja).
4. Wang chengkeram akan di-kembalikan kapada penawar2 yang tidak berjaya sa-lepas keputusan-nya di-siarkan. Wang chengkeram bagi penawar yang berjaya akan hilang jika ia menolak kejayaan-nya itu.
5. Tawaran2 mesti-lah di-masokkan ka-dalam sampol surat yang bertutop dengan tidak mengenalkan nama penawar, di-atas sampol surat tawaran bagi: SANDFILLING TO PROPOSED ROAD AT MILE 3, KUALA BELAIT/SERIA ROAD.
6. Tawaran2 yang di-buat lain daripada yang di-kehendaki di-tolak.
7. Kerajaan tidak terikat untok menerima tawaran yang sa-habis rendah sekali atau sabarang tawaran.

### SERIAL No. 16/1979

1. TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada Kontrektor2 Kelas AX dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari, hari Selasa 14hb Ogos, 1979 bagi:—
PROPOSED OF R.C. DRAIN ALONG JALAN SUNGAI PANDAN, KUALA BELAIT.
2. Pelan2 dan Penentuan (Specification) dan segala butir2 lain boleh di-perolehi di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait sa-masa Pejabat di-buka dengan wang chengkeram sabanyak $100.00 (Ringgit: satu ratus sahaja) yang mana akan di-bayar balek kapada kontrektor apabila semua dokumen2 dan lukisan2 tawaran di-kembalikan kapada Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait dalam masa tiga (3) minggu sa-lepas tarikh tawaran di-tutop, jika gagal berbuat demikian, wang chengkeram untok perkara yang tersebut di-atas akan hilang tanpa memberi apa2 Notice sa-lanjutnya.
3. Tawaran2 mesti-lah di-buat di-atas borang2 tawaran yang terchetak yang boleh di-dapati dengan membayar chengkeram tawaran sa-banyak $1,000.00 (Ringgit: Satu ribu sahaja).
4. Wang chengkeram akan di-kembalikan kapada penawar2 yang tidak berjaya sa-lepas keputusan-nya di-siarkan. Wang chengkeram bagi penawar yang berjaya akan hilang jika ia menolak kejayaan-nya itu.
5. Tawaran2 mesti-lah di-masokkan ka-dalam sampol surat yang bertutop dengan tidak mengenalkan nama penawar, di-atas sampol surat tawaran bagi: PROPOSED OF R.C. DRAIN ALONG JALAN SUNGAI PANDAN, KUALA BELAIT.
6. Tawaran2 yang di-buat lain daripada yang di-kehendaki di-tolak.
7. Kerajaan tidak terikat untok menerima tawaran yang sa-habis rendah sekali atau sabarang tawaran.

## TENDER NOTICE

TENDERS will be received by the Chairman of Brunei Tenders Board from Registered Electrical Contractors Class A' only up to 12.00 noon, 14th August 1979 for : —

ELECTRICAL INSTALLATION FOR BINTURAN RANGES

Tender document can be obtained from the office of Messrs Associated Consultants Private Limited, Rooms 27-29, Hong Kong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan, from 25th July 1979 onwards during normal office hours on payment of a Tender Deposit of B$500.00 which will be refundable to all unsuccessful tenderer upon the receipt of a bonafide tender and the return of all documents and drawings.

Tender must be submitted on the Tender Form provided and must reach the office of the Chairman, Brunei Tenders Board, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan not later than 12.00 noon, 7th August, 1979. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tenders shall be enclosed in a plain sealed envelope marked: — "TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR BINTURAN RANGES"

The Government of Brunei is not bound to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

### AIR-CONDITIONING OF DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA EXTENSION FOR ADVISER'S OFFICE BANDAR SERI BEGAWAN

TENDERS will be received by the Chairman of Brunei Tenders Board from Registered Air-Conditioning Contractors Class 'A' and 'B' only up to 12.00 noon, 14th August, 1979 for : —

AIR-CONDITIONING INSTALLATION OF DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA EXTENSION FOR ADVISER'S OFFICE B.S.B.

Tender documents can be obtained from the Office of Messrs Brisma International Consultants, Room 15, Hong-Kong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan during normal office hours on payment of a Tender Deposit of B$500.00 which will be refundable to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the Tender Form provided and must reach the office of the Chairman, Brunei Tenders Board, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan not later than 12.00 noon. 14th August 1979. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tenders shall be enclosed in a plain sealed envelope marked : —

"TENDER FOR AIR-CONDITIONING INSTALLATION OF DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA EXTENSION FOR ADVISER'S OFFICE B.S.B."

## TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman of Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from P.W.D. Registered Class 'A' Contractors up to 12 noon on Tuesday, 28th August, 1979 for the construction and completion of :

WEST TELEPHONE EXCHANGE KAMPONG MADIWA JALAN TUTONG BRUNEI

2. Before the tender documents can be issued, tenders must show proof that : —
2.1 They are currently registered with P.W.D. Brunei as Class 'A' Contractors, and who have complied with Government circular referenced PWD/HO/C/15-7 dated 3rd March 1979.
2.2 Tenderers must produce a specific Bankers letter, stating that in the event of the applicants Tender being successful, the said bank will provide a Security Bond in the amount not less than $50,000 and not less than 10% of the submitted tender for the duration of the contract. This document must be submitted to the Architects during he Tender period, failure to do so will amount to a rejection of the Tender.
3. Tender Documents can be examined at and obtained from the office of the Architects:

Booty Edwards dan Rakan2 Akitek
146 Jalan Chevalier
Bandar Seri Begawan
Brunei

from Monday, 6th August onwards during normal office hours.
4. The tender deposit required is B$500.00 which is in the form of a cheque, shall be made payable to the Architects. This deposit is refundable to each tenderer upon the receipt of a bona fide tender and the return of all tender documents in good condition.
5. Tenders shall be submitted on the Form of Tender and enclosed in envelopes provided and properly sealed. There must be no indication of the name or address of the tenderer on the envelope.
6. Tenders received after the above stipulated closing time will be rejected.
7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## PUBLIC WORKS DEPARTMENT TENDER NOTICES

### No. 125 OF 1979

TENDERS will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 7th August, 1979 for : —

PURCHASE AND REMOVAL OF SCRAP VEHICLE AND PLANT 150 TONS APPROXIMATE AT KUALA BELAIT.

Tender documents may be seen and all particulars obtained at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 126 OF 1979

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 14th August, 1979 for : —

CONSTRUCTION OF REINFORCED CONCRETE ROADSIDE DRAIN AND ANCILLARY WORKS AT MILE 2¼, JALAN GADONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 127 OF 1979

TENDERS will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 14th August, 1979 for : —

RENOVATION OF RUBBER FOAM MATTRESS, PILLOWS AND CUSHIONS FOR A PERIOD OF ONE YEAR.

Tender documents may be seen and all particulars obtained at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 128 OF 1979

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 14th August, 1979 for : —

CONSTRUCTION OF PROPOSED REINFORCED CONCRETE DRAIN AND REMEDIAL WORKS TO SLOPE EROSION AT POLICE TRAINING CENTRE, JALAN MUARA, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 129 OF 1979

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 14th August, 1979 for : —

TURFING AND GRASSING AT GADONG POLICE HEADQUARTERS RESERVED AREAS, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 130 OF 1979

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 14th August, 1979 for : —

SUPPLY AND DELIVERY OF CRUSHER-RUN STONES TO THE PROPOSED ACCESS ROAD AT THE POLICE HEADQUARTERS COMPLEX RESERVED AREA AT JALAN GADONG,

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 131 OF 1979

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board. Brunei up to 12.00 noon on 14th August, 1979 for : —

SUPPLY AND DELIVERY OF SCHOOL CUP BOARD TO VARIOUS MALAY SCHOOLS.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

## TENDER NOTICE

### AIR-CONDITIONING INSTALLATION FOR BINTURAN RANGES

TENDERS will be received by the Chairman of Brunei Tenders Board from registered Air-conditioning Contractors Class 'A' or 'B' only up to 12.00 noon, 14th August, 1979 for:—

AIR-CONDITIONING INSTALLATION FOR BINTURAN RANGES

Tender document can be obtained from the office of Associated Consultants Private Limited, Room 27-29, Hong Kong Bank Chambers, Bandar Seri Begaawn from 25th July, 1979 onwards during normal office hours on payment of a Tender Deposit of B$500.00 which will be refundable to all unsuccessful tenderer upon the receipt of a bonafide tender and the return of all documents and drawings.

Tender must be submitted on the Tender Form provided and must reach the office of the Chairman, Brunei Tenders Board, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan not later than 12.00 noon, 14th August, 1979. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tenders shall be enclosed in a plain sealed envelope marked : — AIR-CONDITIONING INSTALLATION FOR BINTURAN RANGES.

The Government of Brunei is not bound to accept the lowest or any tender.

## SUCCESSFUL TENDERS

1. Construction of central islands for the proposed improvement of Jalan Berakas from Old Airport Road junction to Roundabout — Sh Pg Haji Omarali & Anak2 — $356,206 — 8 months.
2. Transport of materials from Berakas Depot to areas within BSB/Muara/Tutong Districts — Polly Transport Co — $0.25 per ton per mile for stones and $0.37 per ton per mile for hotmix.
3. Supply of pipes and joints (No 19/1979) — United Asbestos Cement Berhad — M$126.55 for each pipe and M$17.50 for each joint.
4. Supply and installation of kitchen equipment at Security and Intelligence Department KB — Kwek Eng Co — $16,849.
5. Supply and delivery of crusher-run stones to Jalan Mabohai-Muara link — Temburong Quarry Ltd — $23.50 per cubic yard.
6. Supply of vehicles to District Office Brunei/Muara.
   3 — wheeled steel radio roller — Tractors Malaysia Bhd — $55,500 — 30-45 days.
   Land Rover pickup or stationwagon — NBT (Brunei) Ltd — $23,355 — 4-5 weeks.
   Light maintenance grader — Tractors Malaysia Bhd — $52,700 — 2 months.
   4 units tipper truck — Champion Motors Ltd — $34,800 — 8 weeks.
7. Disposal of night soil for Municipal Board, KB — Haji Ramli bin Jamaludin — $4,400 per month.
8. Supply of limestone to Agriculture Department — Unique Adjusters — $104 to $99 (analysis 95% — 90%).
9. Kampong style houses at Luahan for Agriculture Department — Awang Tengah bin Hassip — $18,256.
10. Air conditioning installation for proposed lecture theatre/cinema at Berakas Camp — Borneo Air Cond & Eng — $147,646.
11. New Seria Clinic construction — Sh Pembangunan Negara — $2,364,412.89.
12. Construction of proposed extension and renovations to existing haematology laboratory at General Hospital — Ma Chung & Sons — $110,650.
13. Air conditioning installation at new extension to Radio Receiver Station at Brunei International Airport — Capital Air Cond — $30,007 — 19 weeks.
14. Department of Security & Intelligence New Headquarters Complex, Phase II —Awg Damit Mahmud — $8,478,000 — 18 months.

# IBU-BAPA MAINKAN PERANAN YANG PENTING DALAM MEMBIMBING ANAK2

PEKAN TUTONG. — Salah satu matalamat yang di-tuju dalam mendidek murid2 dan penuntut2 yang belajar ugama ia-lah untok menchapai tujuan supaya mereka itu mendapat asohan yang sempurna dan menjadi orang2 Islam yang beriman serta beramal dengan ilmu Ugama yang mereka pelajari.

Sa-bagai chontoh dalam menuju dan menchapai matalamat tersebut bahawa murid2 dan penuntut2 di-sekolah2 ugama di-asoh supaya menunaikan sembahyang waktu di-sekolah masing2 mengikuti kemudahan yang terupaya di-sekolah2 yang berkenaan. Dan dalam menjayakan amalan sa-demikian, guru2 dan sekolah2 ugama berharap ada-nya chontoh2, tauladan2 dan bimbingan2 yang terus menerus dari pehak keluarga dan para ibu bapa semasa di-rumah.

Kerana menurut-nya, murid-itu berada di-bawah bumbong sekolah ada-lah dalam waktu yang terhad, sedangkan masa murid2 itu di-luar sekolah ugama ada-lah banyak, dan keadaan di-luar sekolah itu boleh memberi kesan dan pengaroh kapada murid2 tersebut.

Ini telah di-tegaskan oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin, dalam uchapan-nya di-Majlis Pembukaan Rasmi bangunan baru Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Nor'ain, di-sini baru2 ini.

Bangunan baru Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Nor'ain, Pekan Tutong itu, telah dirasmikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Lela Sahibul Kahar Pengiran Anak Haji Mohd Yusof ibni Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemancha.

Yang Berhormat berkata, memberikan chontoh tauladan dan bimbingan kapada anak2 dan murid2 ada-lah salah satu tanda shukor kehadhrat Allah s.w.t. dan sa-bagai salah satu pernyataan terima kaseh yang tegas kapada usaha2 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam memberikan kemudahan2, saperti kemudahan2 belajar ugama.

"Mudah2an-lah sikap kita yang sentiasa bershukor kapada Allah melalui amalan2 kita yang ikhlas kerana Allah itu akan dapat menyelamatkan anak2 dan keturunan kita yang akan datang daripada pengaroh2 dan anasir2 yang boleh menyelewengkan keimanan mereka kapada Allah bahkan ada-lah diharapkan supaya mereka itu akan sentiasa berpegang tegoh dengan ajaran2 Ugama Islam yang suchi." Kata Yang Berhormat itu lagi.

Kata-nya, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah memperkenankan permohonan dan niat yang baik dari pendudok2 di-sekitar Pekan Tutong, supaya bangunan Sekolah Ugama yang baru itu di-beri nama sa-bagai "Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Nor'ain, Pekan Tutong."

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja, terdahulu dari itu dalam uchapan-nya di-Majlis Pembukaan Rasmi tersebut menaroh keperchayaan bahawa dengan terbena-nya Sekolah Ugama itu, pendudok Islam di-sekitar kawasan Pekan Tutong, merasa bershukor kehadhrat Allah s.w.t. kerana dapat satu kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sa-bagai tempat bagi anak2 mereka mengikuti pelajaran ugama dalam keadaan dan suasana yang sesuai.

Yang Berhormat itu juga menchatetkan uchapan terima kaseh dan penghargaan-nya kapada semua pehak yang telah memberikan kerjasama bagi menjayakan majlis pada hari itu.

Dari muka 1

mereka itu faham yang kita perlukan orang2 berpelajaran dan berpengetahuan, di-samping pelajaran dan pengetahuan tersebut hendak-lah di-iringi oleh amalan2 yang sesuai dengan ajaran2 Ugama Islam serta budi pekerti yang senunoh.

"Saya perchaya jika penuntut2 membiasakan kearah fikiran dan amalan hidup yang sa-demikian itu maka tidak-lah akan sia2 harapan kita untok melihat keluarga yang sempurna dan masharakat yang sejahtera turun-temurun", sabda Yang Amat Mulia itu.

Terdahulu dari itu, dalam sabda-nya, Yang Amat Mulia itu di-fahamkan pada masa ini terdapat sa-banyak tujoh buah bangunan untok Sekolah2 Ugama yang telah siap di-bena oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan, yang meliputi ke-empat2 daerah di-negeri ini. ini.

Pembenaan bangunan2 baru Sekolah2 Ugama itu, sabda Yang Amat Mulia itu lagi, adalah satu lagi bokti keazaman Kerajaan Baginda pada memberikan kemudahan2 pelajaran kapada raayat dan pendudok dinegeri ini, dan ia-nya juga menunjokkan dengan jelas-nya betapa perhatian yang berat oleh Kerajaan mengenai hal ehwal perkembangan Pelajaran Ugama khas-nya dan penyiaran ajaran2 Islam am-nya.



SA-BAHAGIAN dari para hadhirin yang hadhir dalam pembukaan rasmi Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Nor'ain Tutong baru2 ini. — Gambar JHEU.

## Ketetapan bayaran Zakat Fitrah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bayaran zakat fitrah bagi umat Islam di-negeri ini bagi tahun Hijrah 1399 ada-lah sama dengan bayaran yang di-tetapkan pada tahun2 yang lalu.

Menurut kadar bayaran zakat fitrah yang di-tetapkan oleh Majlis Ugama Islam Negeri Brunei bahawa bayaran zakat fitrah yang patut di-bayar bagi sa-orang umat Islam ia-lah $1.87¼ bagi orang2 yang tinggal di-Daerah Brunei; $1.90⅝ bagi kawasan2 Muara dan Daerah Tutong. Bagi kawasan2 Seria Belait dan Temburong ia-lah $1.93¾.

Yang Dipertua Majlis Ugama Islam, YB Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain menyatakan bahawa kadar zakat fitrah itu ada-lah menurut nilaian harga beras 3 kati 12 tahil ia-itu kadar timbangan beras yang wajib di-fitrahkan.

Yang Dipertua Majlis Ugama Islam itu menyatakan bahawa menurut Mazhab Shafiee, zakat fitrah hanya sah di-keluarkan daripada makanan yang biasa di-makan pada sa-sebuah negeri itu.

"Oleh kerana makanan yang biasa di-makan di-negeri ini ialah beras, maka zakat fitrah ada-lah di-keluarkan dengan beras. Anggaran zakat fitrah menurut timbangan di-negeri ini ia-lah 3 kati 12 tahil bagi tiap2 sa-orang".

Dalam pada itu menurut Mazhab Hanafi bahawa ada-lah sah mengeluarkan zakat fitrah dengan nilai mata-wang.

Oleh kerana harga beras yang biasa di-makan di-negeri ini ditetapkan oleh Kerajaan dengan harga $3.00 sa-gantang bagi Daerah Brunei; $3.05 sa-gantang di-Daerah Tutong dan Muara dan $3.10 sa-gantang di-Daerah2 Belait dan Temburong, maka nilai bagi harga 3 kati 12 tahil di-Daerah Brunei ia-lah $1.87¼; Tutong dan Muara $1.90⅝ dan Daerah2 Belait dan Temburong $1.93¾.

YB Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain menyatakan bahawa tiap2 umat Islam dinegeri ini boleh membayar zakat fitrah samada dengan mengeluarkan beras sa-banyak 3 kati 12 tahil atau boleh bertaklid Mazhab Hanafi dengan mengeluarkan nilai harga beras 3 kati 12 tahil.

Kata-nya orang Islam adalah di-ingatkan bahawa zakat fitrah wajib di-bayar mulai malam raya hingga Imam mendirikan sembahyang Hari Raya.

Dalam pada itu, tambah Yang Berhormat, ada-lah harus zakat fitrah itu di-keluarkan sa-belum waktu tersebut ia-itu dari awal bulan Ramadhan.

Sementara itu, Majlis Ugama Islam Negeri Brunei dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah melantek sa-ramai 140 orang Amil di-seluroh negeri untok di-tugaskan mengutip bayaran zakat fitrah bagi tahun ini. Nama2 Amil dan tempat2 membayar zakat fitrah bagi tahun ini akan di-siarkan dalam keluaran minggu depan.

## Memuliakan Al-Kor'an

Dari muka 1

ruskan apa2 jua perkara yang berkebajikan yang sedia kita usahakan dan kapada mereka yang belum menyertai supaya akan mencheborkan diri sachara beransor-ansor dalam usaha yang di-redhai Allah itu, ujar Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan.

Terdahulu dari itu, Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan menjelaskan bahawa tujuan mengadakan peraduan tersebut ia-lah bagi memuliakan lagi kitab suchi di-samping merapatkan perhubongan muhibbah diantara pehak yang berkenaan.

Yang Berhormat juga telah menchatetkan penghargaan kapada anggota2 Pasokan Pulis pada mengabdikan tenaga mereka bagi menjayakan perkara yang berkebajikan sa-umpama itu.

Dalam peraduan itu, PC 1046 Khamis bin Nasir telah menjadi johan qari. Naib-johan ialah PC 1144 Mahuddin bin Salleh dan pemenang ketiga ialah PC 599 Abd Ghani bin Md Noor.

Johan qariah pula di-sandang oleh Dayang Saadiah binte Hipni; WPC Urai binte Awang Tengah mendapat tempat kedua dan Dayang Aisah binte Hitam memenangi tempat ketiga.

## Perdagangan Luar Brunei

Dari muka 1

Sa-lain dari itu Brunei juga mengimpot bahan2 makanan bernilai $23,704,703, berjenis2 barang buatan bernilai $13,880,975 dan bahan2 kimia yang bernilai $10,479,598. Tahun 1978, impot bagi bahan2 makanan bernilai $21,531,559; berjenis2 barang makanan bernilai $8,695,273 dan bahan2 kimia bernilai $10,218,960.

Tiga buah negara pengimpot utama bagi hasil2 Negeri Brunei ia-lah Jepun yang berjumlah $882,244,343; Amerika Sharikat $113,080,133 dan Singapura $74,598,086.

Dalam tempoh yang sama tahun lalu, Jepun telah mengimpot sa-jumlah $804,640,401; Amerika Sharikat sa-jumlah $83,887,895 dan Singapura $41,349,177.

Ketiga2 buah negeri itu juga pengekspot utama ka-Brunei dalam suku pertama tahun ini. Ekspot dari Singapura berjumlah $39,403,699; Jepun berjumlah $33,464,781 dan Amerka Sharikat berjumlah $28,441,280.

Dalam tempoh yang sama tahun lalu ekspot dari negeri2 itu masing2 berjumlah $31,050,596; $30,063,040 dan $26,419,810.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.